



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1885]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 [Ruangan 1906]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 1935]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ GENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T. H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha : Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha : Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha : Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting : P. B. Menon.

Penolong Penyunting : Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 15hb Disember, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SYARIKAT KERJASAMA

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah bilangan syarikat-syarikat kerjasama yang telah ditubuhkan di negara ini sehingga sekarang dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut Negeri.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacita menyampaikan jawapan di atas pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu iaitu jumlah bilangan syarikat-syarikat kerjasama ialah 2,924 buah dan pecahan-pecahan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Perlis	92
Kedah	417
Pulau Pinang	251
Perak	361
Selangor	383
Negeri Sembilan	171
Melaka	94
Johor	247
Pahang	132
Trengganu	105
Kelantan	179
Wilayah Persekutuan	36
Sabah	214
Sarawak	242

HUBUNGAN MALAYSIA/THAILAND

2. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar di bawah pemerintahan demokrasi Thailand yang lalu hubungan Malaysia dengan Negeri Thai semakin buruk dan tegang, berpunca dari Kerajaan Thailand tiada membenarkan pasukan keselamatan kita menyeberangi sempadan di bahagian Thailand. Bagaimana pula keadaannya di bawah Kerajaan Junta tentera yang berkuasa sekarang.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil perhatian berat terhadap keputusan dari Kerajaan Thailand yang lalu meminta kita mengundurkan P.P.H. dari Betong. Walau bagaimanapun, Kerajaan baru Thai sekarang telah memberi jaminan kepada kita yang mereka akan memberikan kerjasama yang penuh dalam usaha kita untuk memusnahkan ancaman kominis. Jaminan ini telah diulangi baru-baru ini semasa Mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan (General Border Committee) di Pulau Pinang pada 10hb dan 11hb November, 1976. Harus ditegaskan bahawa kedua-dua Kerajaan menganggapkan pengganas kominis sebagai masalah bersama dan kedua-dua Kerajaan juga akan berusaha bersama-sama sepenuhnya menentang pengganas-pengganas kominis di kawasan sempadan Malaysia/Thailand. Kerjasama bilateral ini diperakui oleh Perdana Menteri Thailand di dalam perjumpaan baru-baru ini di Pulau Pinang dengan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri kita.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan adanya perkembangan baru yang sangat cerah dan baik di antara hubungan kita dengan Thailand, adakah Kerajaan kita akan mengkaji perjanjian sempadan antara Thailand/Malaysia yang kita patut tandatangani,

kita tidak mahu cuma ikrar-ikrar sahaja, kita mahu dibuktikan dengan tandatangan?

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya apa yang penting ialah kesanggupan kerjasama sepenuhnya. Saya rasa perjanjian ini sungguhpun perlu tetapi tidaklah begitu utama. Walaupun apa-apa yang tertulis, apa yang penting ialah kesanggupan kerjasama yang sepenuhnya untuk menghapuskan ancaman-ancaman komunis.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita tidak ada apa-apa pakatan tentera secara bilateral atau multilateral basis antara negara-negara ASEAN, tetapi kita mempunyai pakatan tentera untuk menjaga pertahanan di wilayah Thailand/Malaysia dan Malaysia/Indonesia. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menerangkan bagaimana pandangan negara-negara Indo-China di atas bilateral agreement yang kita sedang adakan antara Malaysia/Thailand dan Malaysia/Indonesia?

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kerap kali saya berkata dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata kerjasama bilateral di antara negara Thai dengan kita dan di segi sempadan di antara Thai dengan Malaysia, sama juga dengan Indonesia, bukanlah kerjasama multilateral di bawah konsep ASEAN. Kalau hendak mengetahui apakah pandangan negara-negara Indo-China itu sukarlah saya hendak mengatakan sekarang ini. Saya rasa ini terpulunglah kepada mereka tetapi kita telah mengatakan iaitu kerjasama di antara Thai dengan kita sama juga dengan kerjasama di antara kita dengan Indonesia ialah suatu kerjasama bilateral.

**PERSARAAN LAKSAMANA MUDA
DATUK K. THANABALASINGAM
DAN MARSHAL MUDA UDARA
DATUK SULAIMAN SUJAK**

3. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebabnya :

- (a) Ketua Turus Tentera Laut Laksamana Muda Datuk K. Thanabalasingam dan
- (b) Ketua Turus Tentera Udara Marshal Muda Udara Datuk Sulaiman Sujak;

dilepaskan bersara sebelum cukup umur 55 tahun; bukannya negara masih lagi memerlukan pegawai yang berpengalaman dalam kedua-dua lapangan tersebut itu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang berkenaan telah diminta bersara sebelum cukup masa semata-mata disebabkan oleh sejarah perkembangan Tentera Laut dan Tentera Udara di Raja Malaysia di mana mereka telah dilantik menjadi Ketua Turus di dalam perkhidmatan masing-masing sejak dari umur yang begitu muda dan mereka telahpun memegang jawatan tersebut selama 9 tahun iaitu sejak 1967. Jika perkhidmatan mereka disambung hingga ke umur persaraan seperti yang ditetapkan di dalam sekim perkhidmatan tentera yang ada sekarang mereka akan memegang jawatan sebagai Ketua Turus Tentera Laut dan Udara untuk selama 24 tahun dan 22 tahun tiap-tiap seorang. Tempoh perkhidmatan sebagai Ketua Perkhidmatan yang begitu lama sudah tentu akan menimbulkan beberapa masaalah terutamanya masaalah berkaitan dengan perkhidmatan dan peluang naik pangkat pegawai-pegawai yang lain. Dengan itu untuk membuka peluang kepada pegawai-pegawai yang lain maka keputusan telah dibuat untuk membesarkan kedua-dua Ketua Turus itu sebelum masa (prematurely). Sungguhpun demikian demi untuk berlaku adil ke atas kedua-dua Ketua Turus yang ada sekarang, keputusan telahpun dibuat untuk memberi faedah-faedah persaraan kepada mereka yang sama seperti yang boleh didapati oleh mereka jika mereka telah berkhidmat sehingga had umur persaraan wajib.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini bahawa kedua-dua Ketua Turus ini telah melakukan kesalahan dalam Kementeriannya dan dengan kesalahan itu sebagai amalan Kerajaan Malaysia yang murah hati ditunjukkan kepada beliau supaya bersara?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, atas amalan sememangnya ialah amalan Kerajaan Malaysia jikalau terdapat sebarang penyelewengan tindakan-tindakan diambil, tetapi dalam soal keputusan untuk persaraan kedua-dua Ketua Turus Tentera Laut dan Udara ini tidak ada berkaitan dengan sebarang kesalahan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Walau apapun adakah Kerajaan menerima persaraan Ketua Turus Tentera Laut dan Udara itu satu kehilangan kepada negara kita.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua Ketua Turus ini bersara daripada Angkatan Laut dan Udara dan bukannya bersara dari Malaysia. Jadi, saya tidak nampaklah bagaimana mereka boleh hilang daripada negara kita. (*Ketawa*)

AKTA SEWA BELI

4. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat manakah Undang-undang Sewa Beli yang diluluskan oleh Parlimen yang lepas dijalankan memandangkan bahawa beberapa buah Syarikat-syarikat di negara ini masih lagi mengambil tindakan dengan sewenang-wenang terhadap pelanggan-pelanggan mereka.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak mendapat laporan bahawa ada lagi syarikat-syarikat sewa beli yang mengambil tindakan sewenang-wenangnya terhadap pelanggan-pelanggan mereka semenjak Akta Sewa Beli (Pindaan) 1976 diluluskan oleh Parlimen yang lepas. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perubahan besar yang diperuntukkan di dalam Akta Sewa Beli (Pindaan) 1976 ialah bagi membolehkan penyewabeli-penyewabeli menanggung pembayaran ansuran mereka sebanyak dua kali sebelum syarikat sewa beli boleh mengambil tindakan untuk menarik balik barang-barang yang dijual secara sewa beli tersebut. Penarikan balik barang-barang yang dijual secara sewa beli hanya boleh dilakukan sekiranya syarikat-syarikat sewa beli telah menghantarkan notis-notis seperti yang dikehendaki oleh Jadual 4 dalam Akta tersebut. Akta Sewa Beli (Pindaan) 1976 juga membolehkan perlantikan seorang pegawai sebagai Pengawal Sewa Beli untuk menguatkuasakan Akta tersebut dan menyiasat segala kes-kes penyelewengan.

Pada masa ini Kementerian telahpun menyiapkan peraturan-peraturan sewa beli yang bertujuan mengemaskan lagi perniagaan

sewa beli. Peraturan-peraturan tersebut akan dapat digezetkan dalam Warta Kerajaan sedikit masa lagi.

PERSATUAN ULAMAK MALAYSIA

5. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar iaitu baru-baru ini dalam seminar Kesatuan Ulamak Malaysia telah hebat dibangkitkan dan dibahaskan, bahawa undang-undang yang dipakai di Malaysia sekarang tidak berdasarkan hukum Islam, kerana itu undang-undang berkenaan Islam tidak dapat dijalankan di Malaysia ini. Apakah pandangan dan sikap Kementerian yang berkenaan tentang kecaman, syor-syor atau keputusan seminar kesatuan Ulamak Malaysia itu; dan
- (b) apakah usaha-usaha atau cadangan yang telah dibuat agar undang-undang dan hukum-hukum Islam dapat diamalkan menjadi undang-undang negara supaya sesuai dengan Islam ugama resmi negara ini.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam Mukhtamar Persatuan Ulamak Malaysia baru-baru ini tiada dibahaskan mengenai Undang-undang yang dipakai di Malaysia sekarang. Mukhtamar ini membincangkan dua Kertas Kerja yang tiada berkaitan dengan Undang-undang yang dipakai di negara kita pada masa ini.
- (b) (i) Antara usaha-usaha dan cadangan-cadangan yang telah dibuat agar Undang-undang dan hukum-hukum Islam dapat diamalkan menjadi Undang-undang negara ialah mengenakan hukuman khalwat ke atas orang-orang bukan Islam.
- (ii) Menyemak dan melaraskan Undang-undang Syariah dan Pentadbiran Undang-undang Islam atau Syariah dalam tiap-tiap Negeri.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ini atas yang ada kaitan dengan soal ini pada satu masa yang akan datang

undang-undang negara kita ini dikaji dan dipinda supaya dapat undang-undang itu berasaskan undang-undang Islam?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saranan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya telah berkali-kali dikemukakan di Dewan Rakyat dan juga di Dewan ini. Sebenarnya, Kementerian Undang-undang sedang meneliti persoalan ini dan sekiranya keadaan memerlukan satu tinjauan khusus bolehlah diambil supaya beberapa aspek perundangan, terutama yang melibatkan keagamaan, bangsa-bangsa dan suku-suku bangsa di negara kita dapat diperhitungkan.

LEMBAGA KEMAJUAN TRENGGANU TENGAH

6. Datuk Mansor bin Mohamed minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan memandangkan bahawa lebih kurang 13 bandar baharu akan dibuka di dalam projek Trengganu Tengah, dari manakah penduduk-penduduk bandar itu akan di-datangkan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk yang akan menjadi penduduk bandar-bandar baru di dalam kawasan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah itu akan diambil daripada sekitar Negeri Trengganu sendiri, terutamanya dari lebih buruh dari sektor perikanan, pertanian dan lain-lain. Untuk sekadar penjelasan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah mengikut perancangannya akan membuka 8 buah bandar sahaja, bukan 13.

JURURAWAT/AMAH/PAKAIAN DI HOSPITAL BESAR ALOR SETAR

7. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan jururawat-jururawat, amah-amah dan pakaian-pakaian terutama di Hospital Besar Alor Star dan jika ya, bilakah perkara ini akan diatasi.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kekurangan jururawat-jururawat

amah-amah dan pakaian-pakaian di hospital-hospital, terutama di Hospital Besar, Alor Star pada ketika ini. Dari jumlah 295 jawatan dalam semua peringkat jenis perjawatan bagi Hospital Besar, Alor Star, 286 jawatan telahpun dipenuhi dan ini adalah 95% daripada jumlah perjawatan. Begitu jugalah tentang jawatan-jawatan amah. 5% lagi jawatan-jawatan yang kosong itu akan dipenuhi jika dan bila ada kakitangan tersebut. Berkenaan dengan pakaian-pakaian pesakit, peruntukan bekalan yang ada sekarang adalah mencukupi melainkan jika bilangan pesakit-pesakit yang masuk adalah bertambah ataupun apabila kain-kain baju itu tidak dapat kering dalam masa tertentu disebabkan oleh keadaan cuaca.

Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dengar daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa tidak ada kekurangan. Tetapi semasa saya membuat lawatan ke Hospital Besar Alor Star, pihak jururawat-jururawat memberitahu saya di dalam Hospital Besar itu ada kekurangan pakaian dan juga sebagaimana yang saya sebut di dalam soalan tadi.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, mungkinlah di waktu Ahli Yang Berhormat itu melawat adalah musim hujan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan berusaha supaya kekurangan itu akan dapat diatasi.

HOSPITAL DI TEMERLOH

8. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan memulakan pembinaan Hospital Besar di Temerloh, Pahang dan sebab-sebab kelambatan pelaksanaan projek ini;
- (b) apa sebab atau sebab-sebab Kerajaan masih lagi belum melaksanakan projek pembinaan Hospital Besar di Kuantan, Pahang dan beritahu bila projek itu akan dimulakan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian ini berpendapat bahawa ketika ini tidak perlu dibina sebuah

hospital di Temerloh kerana sekarang telah sedia ada sebuah Hospital Daerah yang besar di Mentakab yang terletak sejauh 6 batu. Hospital Daerah Mentakab dilengkapi dengan perkhidmatan rawatan kepakaran dan hospital ini telah diperbaiki dalam Rancangan Malaysia Kedua dengan pembinaan sebuah Poliklinik, Wad Perempuan dan sebuah Asrama Jururawat. Pada masa ini, rancangan sedang diaturkan untuk memperbaiki makmal, Jabatan X-Ray, Klinik-klinik Pakar dan dapur.

- (b) Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Hospital Besar Kuantan adalah satu projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Memandangkan kepada keadaan tanah dan tapak untuk Hospital Besar di Kuantan, maka satu reka-bentuk khas perlu dibuat. Pada masa ini perancangan ini sedang giat diusahakan dan diharap akan dapat disiapkan dalam pertengahan tahun 1977 supaya pembinaannya dapat dimulakan dalam tahun 1978.

DEMAM DENGGI

9. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah demam denggi seluruh Semenanjung Malaysia yang telah dilaporkan semenjak tahun ini dan jumlah kematian yang berlaku;
- (b) jumlah orang yang didakwa kerana membiakkan nyamuk aedes di halaman rumah;
- (c) kimia baharu Abate bagi mencegah pembiakan nyamuk aedes, adakah lebih efektif dan setakat manakah kimia itu di popular dan digunakan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jumlah kes dan kematian penyakit demam denggi dan demam denggi berdarah yang telah dilaporkan semenjak permulaan

tahun 1976, di seluruh Semenanjung Malaysia sehingga 11-12-76 ialah seperti berikut:

Kes dan Kematian Penyakit Demam Denggi mengikut Negeri

<i>Negeri</i>	<i>Demam Denggi Berdarah (DDB) Kes</i>	<i>Demam Denggi Berdarah (DDB) Kematian</i>	<i>Demam Denggi (DD) Kes</i>
Wilayah Persekutuan ...	148	13	44
Perlis ...	—	—	—
Kedah ...	1	—	9
Pulau Pinang ...	22	1	4
Perak ...	90	8	90
Selangor ...	92	5	91
N. Sembilan ...	7	—	4
Melaka ...	15	—	5
Johor ...	34	6	24
Pahang ...	8	—	39
Trengganu ...	1	—	—
Kelantan ...	1	—	7
Jumlah ...	420	33	317

Bagi minggu yang ke-46 yang berakhir pada 20-11-76, terdapat sejumlah 685 kes yang telah dilaporkan semenjak permulaan tahun 1976, iaitu 420 kes Demam Denggi Berdarah (termasuk 33 kematian dan 317 kes Demam Denggi).

Salinan Penyata Epidemiologi Mingguan yang diterbitkan oleh Kementerian saya boleh didapati dari Perpustakaan Parlimen dan angka-angka yang terkemudian boleh didapati di dalamnya.

(b) Sehingga bulan Oktober 1976, seramai 29 orang telah dihadapkan ke Mahkamah di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 kerana mereka membiarkan nyamuk aedes membiak di kawasan rumah mereka. Kesemua mereka ini telahpun dihukum. Sejumlah 6,535 amaran bertulis telah dikeluarkan dan 3,093 daripadanya telah didenda (compounded).

(c) Percubaan makmal dan penyelidikan luar di seluruh Malaysia dan dunia menunjukkan kempen baru menggunakan ubat "Abate" ini sangat berkesan untuk mencegah pembiakan nyamuk aedes. Di samping itu, "Abate" hendaklah digunakan dengan mencampurkan 1 sudu kecil abate dengan 20

gelen air—kira-kira lima tin minyak tanah—hanya sekali dalam 3 bulan. Abate tidak membahayakan manusia dan juga ikan-ikan kecil. Bahaya terhadap kesihatan diri hanya boleh berlaku jika seseorang itu meminum 1,000 gelen air yang mengandungi abate sebanyak 1 bahagian daripada sejuta kandungan (one part per million). Tetapi biasanya kita tidak minum lebih daripada setengah gelen air dalam sehari. Jawatankuasa Pakar Racun Serangga, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berpendapat Abate adalah selamat jika air yang diminum mengandungi campuran 1 p.p.m. (sebahagian daripada sejuta kandungan). “Abate” telah digunakan di banyak negeri di dunia ini di samping langkah-langkah menjaga kebersehan asas dan pelajaran kesihatan bagi pengawalan aedes aegypti. Di Malaysia, “Abate” sedang dimasyhurkan dan telahpun digunakan selama lebih dari empat bulan. Di dalam kempen anti-denggi, Kementerian saya menggalakkan penggunaan abate oleh sebab abate amat berkesan, senang digunakan, selamat dan ekonomikal. Pada masa ini “Abate” boleh dibeli di kebanyakan kedai runcit, mini-market dan supermarket, kedai ubat dan stesyen minyak di seluruh Malaysia. Harganya lebih kurang 75 sen bagi tiap-tiap rumah untuk diguna selama 6 hingga 9 bulan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah menggemparkan Dewan dan negara ini bahawa kematian hampir 1,000 orang berpunca daripada penyakit demam denggi. Dengan keadaan itu bolehkah Kementerian ini mengakui bahawa ia mempunyai satu kelemahan atau tidak berupaya mencegah penyakit demam denggi dalam negara ini?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya patut memperbetulkan angka itu bukan hampir 1,000 yang mati kerana demam denggi berdarah ini hanya 33 orang. Jadi saya rasa Kementerian Kesihatan tidaklah lemah dalam soal ini, malah kalau mengikut lapuran rasmi Wilayah Persekutuan sejak dua minggu lalu tidak ada kejadian demam denggi berlaku. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi demam denggi di Wilayah Persekutuan ini Kementerian Kesihatan telahpun meminjamkan sebanyak 20 orang pegawai kepada Dewan Bandaraya untuk melancarkan kerja-kerja membasmi demam denggi.

Dr Lim Ah Sitt: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri berkenaan menyatakan kimia baru “Abate” itu sudah digunakan di semua pejabat kesihatan di Malaysia, dan yang kedua bolehkah kimia “Abate” itu juga berguna bagi mencegah pembiakan nyamuk yang lain seperti anopheles yang membawa malaria.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah seorang layman, bukan doktor tetapi masalah “Abate” itu digunakan di Pejabat-pejabat Kesihatan saya rasa tidak berbangkit, oleh kerana kita memberitahu kepada rakyat kalau untuk mencegah nyamuk aedes, maka belilah “Abate” hanya 75 sen sebungkus dan boleh tahan 6 bulan iaitu dibubuh dalam air minuman dan sebagainya.

Soal bolehkah “Abate” ini menyerang atau memusnahkan nyamuk-nyamuk yang membawa penyakit malaria, saya tak berani hendak kata, tetapi kalaulah yang membawa demam denggi boleh mati, malaria mungkin boleh, kerana malaria ini lebih lemah dari denggi.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi dikatakan iaitu rakyat ramai beli ubat dan taruh ke dalam air dan nyamuk aedes akan mati. Tetapi apakah Kementerian Yang Berhormat telah buat kepada tempat yang bukan rumah. Rakyat bolehlah taruh di dalam pokok bunga, tetapi di tempat-tempat yang lain, di pelusuk-pelusuk kampung, di luar-luar bandar, dalam pekan yang tidak dijaga, siapakah akan memasukkan ubat-ubat ini, kerana penyakit ini di mana tempat air pun, nyamuk-nyamuk itu akan bertelor, beranak dan sebagainya? Adakah Kementerian Yang Berhormat mengadakan orang-orang untuk memancut ubat-ubat ini pada hari ini atau tidak?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya jikalau dalam Dewan Bandaraya Wilayah Persekutuan, maka Dewan Bandaraya yang bertanggungjawab untuk menjaga tempat-tempat yang bukan kepunyaan orang perseorangan. Tempat yang dipunyai oleh orang perseorangan maka orang itulah yang bertanggungjawab. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kalau kolam atau lombong yang besar-besar, nyamuk aedes tak boleh ada di sana oleh kerana jentek-jentek itu dimakan oleh ikan-ikan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya tak bertanya berkenaan lombong dan saya tidak mempunyai lombong. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab mengenai lombong pula, saya naik kapalterbang, dia naik kapal. Saya bertanya ialah lopak-lopak yang kecil-kecil yang mana jentek-jentek sahaja ada, ikan tak ada. Itu siapakah yang menjaga? Katakanlah Lembaga Bandaran, ada atau tidak surat pekeliling dihantar dari Kementerian Yang Berhormat ubat ini hendaklah dipancutkan. Sampai hari ini yang saya tahu Lembaga Bandaran tak pernah buat perkara ini. Adakah atau tidak dibuat begitu, itu yang saya hendak bertanya.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab untuk menjaga supaya nyamuk aedes tidak biak dalam kawasan Majlis Bandaran atau Dewan Bandara, adalah tanggungjawab Kerajaan Tempatan itu. Pihak Kementerian Kesihatan sentiasa memperingatkan Majlis-majlis Tempatan dan oleh kerana itu sebagaimana yang saya jawab tadi banyak amaran telah diberikan dan sampai sekarang ini sebanyak 6,535 amaran yang bertulis kepada pihak-pihak yang tertentu supaya orang-orang itu menjaga nyamuk aedes tak biak di tempat-tempat mereka.

HUKUMAN KEPADA PENGGANAS KOMINIS

10. Tuan Syed Omar bin Syed Hussin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah hukuman-hukuman yang telah dan akan dikenakan ke atas pengganas-pengganas kominis:

- (a) yang ditawan semasa pertempuran;
- (b) yang ditangkap bersama-sama dengan senjata api, risalah-risalah siberan faham kominis dan bahan-bahan letupan; dan
- (c) mereka yang menyerah diri. Adakah hukuman yang dikenakan itu sama sahaja atau berlainan antara satu sama lain.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan (a) dan (b) di dalam kes-kes yang terdapat bukti-bukti yang mencukupi dan nyata mereka yang terlibat akan didakwa di dalam mahkamah

samada di bawah seksyen 29, 57 atau 58 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, pada mana-mana yang berkenaan. Di dalam kes-kes yang mana bukti-buktinya tidak mencukupi untuk pendakwaan di dalam mahkamah tetapi dianggap memudharatkan keselamatan negara mereka akan dikenakan tahanan pencegahan di bawah seksyen 8 Akta yang sama.

Berhubung dengan soalan (c), ini adalah bergantung kepada polisi yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa dan tindakan undang-undang yang diambil terhadap mereka di atas adalah berdasarkan kepada "merit" kes masing-masing.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau kita bandingkan keadaan keselamatan dengan negara-lain, maka keadaan keselamatan negara kita adalah sangat lemah. Mengenai soalan (a), ada banyak orang-orang yang ditangkap semasa pertempuran, ada yang ditahan beberapa tahun dan ada juga yang dimaafkan. Adakah apa-apa rancangan pada masa yang akan datang, oleh kerana ada keterangan yang cukup mengenai soalan (a) dan (b) maka kita minta diadakan firing squad system oleh sebab pergerakan kominis telah bertambah buruk di negara kita.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, barangkali kita tak berapa bersetuju mengatakan keadaan kominis terlalu buruk di negara kita dan pihak Kerajaan berpendapat undang-undang yang ada pada hari ini adalah mencukupi untuk menghadapinya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan yang hendak dikemukakan iaitu melawan Kerajaan dengan bersenjata, dan satu lagi yang tidak bersenjata (subversif). Jika kominis itu bersenjata, warganegara Malaysia, dia telah menentang Kerajaan sendiri, apakah hukumannya? Dengan senjata hendak menggulingkan Kerajaan yang halal, apakah hukumannya? Jika dia bukan warganegara Malaysia menjalankan aktiviti kominis dengan senjata apa hukumannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat perlukan notis?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tak ada kena mengena dengan soalan yang asal.

PEGAWAI-PEGAWAI RADIO DAN TV MALAYSIA

11. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Penerangan menyatakan bilangan pegawai-pegawai peringkat kanan dan sederhana di Radio dan TV Malaysia mengikut bangsa dan dari jumlah itu, bilangan yang berkelayakan/berpengalaman dengan pengetahuan yang perlu dan penerangan untuk mencipta dan mengarah rancangan-rancangan kebudayaan berdasarkan beberapa kebudayaan tradisional Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pegawai-pegawai peringkat kanan dan sederhana di Radio dan Talivisyen Malaysia semuanya warganegara Malaysia.

Pegawai-pegawai RTM yang menerbit dan menyebarkan rancangan-rancangan kebudayaan adalah berkelayakan dan berpengalaman, dan mempunyai pengetahuan serta latihan dalam bidang sebaran am. Penerbitan rancangan-rancangan ini adalah di dalam rangka dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Samada TV Malaysia akan melanjutkan lagi program-program pengajaran "Tulisan Jawi" yang begitu popular dan berjaya pada masa akan datang.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, ini sebenarnya soalan lain. Tetapi jawapannya ya, iaitu tahun hadapan akan kita ajarkan bacaan mengenali huruf iaitu mukaddam atau juzuk amma.

LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA

12. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Perusahaan Utama menerangkan:

- (a) adakah beliau sedar tentang adanya kegelisahan Syarikat-syarikat Pengawit Tembakau di Negeri Kelantan tentang cara pembelian daun tembakau kering melalui Lembaga Tembakau Negara (L.T.N.) yang terlampau dipengaruhi oleh syarikat-syarikat pembeli daun kering yang memaksa pihak pengawit

membawa ke pusat-pusat yang ditentukan oleh pihak pembeli dan harganya ditentukan sendiri oleh syarikat-syarikat pembeli tanpa mengira gred yang ditentukan oleh L.T.N.

- (b) kalau sedar, apa tindakan yang telah atau akan diambil bagi mengatasinya;
- (c) adakah beliau bersetuju supaya pihak-pihak pembeli melalui L.T.N. datang membeli di stesyen masing-masing tanpa membawanya ke pusat seperti yang berlaku itu;
- (d) adakah beliau sedar semenjak tertutupnya syarikat Perbadanan Perusahaan Pertanian (PPP) di Kelantan ramai petani-petani yang menghadapi kesulitan kerana tiada jaminan pembelian daun-daun hijau mereka, kalau sedar, apakah cara mengatasinya; dan
- (e) adakah beliau bersetuju supaya kota jualan daun tembakau kering yang dahulunya diberikan kepada Perbadanan Perusahaan Pertanian (PPP) itu akan diberikan kepada bakal pengambilalih stesyen-stesyen pengawit tersebut itu pula supaya petani-petani yang terlibat tidak menjadi mangsa penutupan syarikat tersebut.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar tentang adanya sedikit kegelisahan di kalangan beberapa buah syarikat pengawit tembakau di Negeri Kelantan tentang cara pembelian daun tembakau kering melalui Lembaga Tembakau Negara. Ini adalah kerana kadangkala pihak pengilang dan juga pengawit tidak menerima gred-gred yang ditetapkan oleh pegawai-pegawai L.T.N. Walau bagaimanapun masalah tersebut dapat diatasi setelah persetujuan dicapai supaya gred-gred yang ditentukan oleh pegawai-pegawai L.T.N. adalah muktamad dan mesti diterima oleh pengilang dan pengawit. Pengilang hanya boleh memulangkan balik bale-bale yang telah diberi setelah didapati dan disahkan oleh L.T.N. bahawa bale-bale tersebut sengaja dicampur dengan daun yang bergred rendah.

Suka saya nyatakan bahawa pengilang tidak memaksa pengawit membawa daun tembakau kering ke pusat-pusat pemasaran dan pusat-pusat itu tidak juga ditentukan oleh pengilang. Sebenarnya

pembelian daun tembakau kering di pusat pemasaran adalah satu sistem yang dilaksanakan oleh Lembaga di mana pusat-pusat pemasaran disediakan oleh Lembaga sendiri. Dengan sistem itu, pegawai-pegawai Lembaga, dan bukannya pengilang, menentukan gred tembakau. Jika tidak ada apa-apa rayuan terhadap penentuan gred tembakau yang dibuat oleh pegawai Lembaga itu, maka pengilang adalah dikehendaki membelinya dengan harga mengikut gred yang ditetapkan.

- (b) Untuk mengatasi masalah kegelisahan tersebut, langkah-langkah telah diambil untuk menentukan supaya daun-daun tembakau yang telah digred oleh Lembaga mesti dibeli oleh pengilang. Dalam pada itu Lembaga telah dan akan terus berusaha supaya daun tembakau yang dikeluarkan oleh pengawit adalah bermutu tinggi. Walau bagaimanapun, kerjasama dan kejujuran kedua-dua pihak pengilang dan pengawit adalah diperlukan untuk menjayakan sistem pemasaran pusat ini.
- (c) Saya suka menyatakan bahawa pengawasan Lembaga dalam pemasaran daun tembakau kering adalah penting dan perlu untuk menjamin supaya pemasaran daun tembakau itu berjalan dengan sempurna dan teratur. Oleh kerana kekurangan kakitangan dan kedudukan stesyen-stesyen mengawit adalah jauh di antara satu dengan lain maka adalah sukar bagi Lembaga untuk mengawasi penjualan dan pembelian daun tembakau kering di stesyen-stesyen. Oleh yang demikian, maka saya tidak bersetuju supaya pihak-pihak pembeli melalui L.T.N. datang membeli daun-daun tembakau itu di stesyen pengawit masing-masing.
- (d) Saya sedar bahawa penutupan Syarikat Perbadanan Perusahaan Pertanian Sendirian Berhad (PPSB) di Kelantan boleh menjejaskan dan memberi kesulitan kepada penanam-penanam jika langkah-langkah sesuai tidak diambil. Untuk mengelakkan kesulitan tersebut, Lembaga Tembakau Negara telah mengambil langkah supaya bekas penanam-penanam syarikat itu boleh bertanam dan menjual daun-daun tembakau hijau kepada lain-lain syarikat pengawit.

- (e) Saya bersetuju supaya quota jualan daun tembakau kering yang dahulu diberikan kepada PPPSB itu diberikan kepada bakal pengambil alih stesyen-stesyen pengawit syarikat tersebut dengan syarat mereka ini memenuhi kehendak-kehendak dan syarat-syarat pelesenan yang dikenakan oleh Lembaga Pemasaran Negara sendiri.

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bagi menjamin masa hadapan penanam-penanam tembakau yang juga termasuk pengawit-pengawit dan sebagainya, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang supaya kemasukan rokok dari luar negeri ataupun kemasukan daun-daun tembakau dan raw material dari luar negeri itu akan disekat.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini daun tembakau memang diimpot ke dalam negeri untuk menampung kekurangan yang masih terjadi di dalam negara kita. Matlamat dasar Kerajaan ialah untuk menyekat sama sekali apabila dapat dipastikan 100% bahawa pengeluaran daun tembakau memang mencukupi untuk menampung pengeluaran rokok di dalam negara kita ini. Dari segi penyekatan kemasukan rokok ini bukan di dalam kuasa tangan saya sebagai Menteri yang berkenaan, insya Allah akan saya sampaikan kepada pihak yang berkenaan.

LESEN TEKSI

13. Tuan V. SM. Vellayappa minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau akan mengarah Lembaga Perlesenan Pengangkutan supaya Lesen Teksi diberi kepada pemandu-pemandu teksi yang memandu teksi itu sahaja.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, memang telah menjadi dasar Kementerian saya sekarang dalam pengeluaran lesen-lesen teksi bahawa keutamaan diberikan kepada pemandu-pemandu teksi yang telah lama membawa teksi dan belum mempunyai permit mereka sendiri. Walau bagaimanapun keutamaan juga telah diberikan kepada pemohon-pemohon yang terdiri daripada bekas-bekas Perajurit dan Polis yang telah lama berkhidmat kepada negara.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada setengah-setengah permohonan teksi di Wilayah Persekutuan masih tidak mempunyai lesen teksi lagi walaupun mereka pemandu teksi yang menyewa selama lebih 10 tahun. Jika sedar, samada Kementerian akan memberi pertimbangan atas permohonan mereka.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar banyak pemandu-pemandu teksi yang tidak mempunyai lesen atau permit teksi sendiri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian saya menghadapi kerumitan dalam perkara ini kerana baharu-baharu ini ketika kita mengumumkan ada 500 kekosongan dalam Wilayah Persekutuan, kita telah menerima lebih kurang 14,000 permohonan. Jadi dengan sebab itu walaupun kita memberi keutamaan kepada pemandu-pemandu teksi yang belum mempunyai lesen (permit) tetapi kita tidak dapat melayankan mereka itu kerana permohonan lebih banyak daripada kekosongan. Jadi, itu dia masalahnya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi sangat baik iaitu keutamaan akan diberikan kepada pemandu-pemandu kereta yang tidak ada lesen dan juga bekas-bekas pasukan keselamatan. Menurut pandangan orang yang berusaha dalam teksi ini belum dilaksanakan oleh Kementerian ini. Ertinya, masih banyak lagi pemandu-pemandu kereta yang belum dapat lesen. Saya harap bolehkah tidak Kementerian ini pada masa akan datang siapa juga yang bukan daripada ahli pasukan keselamatan, bukan daripada pemandu kereta, tidak akan diberi lesen teksi lagi, bolehkah dibuat peraturan yang seumpama itu?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bukan Kementerian saya sahaja menghadapi masalah, kalau dibuat dasar seketat seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, tetapi saya percaya Yang Berhormat itu juga akan menghadapi masalah kerana saya percaya orang-orang lain yang sudah berkhidmat lama kepada masyarakat selalu juga meminta recommendation daripada Ahli Yang Ber-

hormat itu, jadi kalau kita tidak layankan mereka itu sama sekali ini menjadi masalah juga.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Menteri telah jawab soalan saya iaitu akan menda-tangkan kesulatan ditujukannya pula kepada saya, dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Kami mahu satu peraturan yang tegas; kiranya satu peraturan dibuat lain daripada ahli bekas pasukan keselamatan dan juga bekas pemandu-pemandu teksi ini buat satu peraturan, kami sekalian wakil-wakil rakyat ini tidak akan memberi rekomen kepada orang lain.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, perkara saya akan pertimbangkan dengan seteliti-telitinya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mesyuarat yang lepas telah dijanjikan oleh Menteri Muda daripada Kementerian Yang Berhormat, apabila saya bertanya mengatakan orang yang membawa teksi selama 15 tahun; ada satu orang di Kedah 15 tahun, 10 kali menghantar surat. Menghantar surat dari satu Menteri ke satu Menteri, Menteri dahulu dan Menteri yang ada sekarang sampaikan sudah basilah suratnya itu, tidak berjawab. Jadi dengan sebab itu Menteri Muda dahulu mengatakan kalau ada begitu hantar surat, saya akan bertanggungjawab menengokkan. Saya hendak cerita dahulu kalau tidak, tidak dapat dijawab. Jadi, dia pun menghantar surat, dia pun balas surat, begitu sahaja sampai ke hari ini kosong sahaja, akhir-akhirnya Menteri mengatakan teksi sudah tutup permohonannya. Orang ini apa dapat. Angin sahaja yang didapatnya. Jadi boleh atau tidak ditimbangan orang ini atau tidak sebab orang ini telah minta lama. Kalau orang baru minta jangan ditimbangan, orang yang lama minta itu belum lagi ditimbangan, boleh atau tidak ditimbangan oleh Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Sebagaimana yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada kosong dapatlah kita timbangan, tetapi kalau tidak ada pengkalan yang kosong, itulah yang menjadi masalah seperti yang saya katakan tadi. Sekiranya ada kosong kita akan timbangan, kalau tidak ada, kita berikan kepada mereka pun susah juga kerana boleh jadi mereka tidak

boleh mencari makan seperti apa yang terjadi di Kuala Lumpur pada waktu ini, iaitu walaupun belum boleh dikatakan terlampau banyak tetapi nampaknya banyak juga yang mempunyai masaalah tidak cukup pendapatan pada waktu ini. Kerana itu kita tidak keluarkan permit lagi buat sementara waktu di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Begitu juga di tempat-tempat yang lainpun payah juga kerana kalau tidak ada kekosongan tidak dapat kita hendak keluarkan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Dalam soal ini kadangkang ada orang yang seperti anak emas, walaupun orang lain yang sudah sepuluh kali, 10-15 tahun minta tidak dapat tetapi ditempatkan yang tidak ada kosong pun dia dapat juga seperti di Kedah. Saya rasa disebabkan dia bukan anak emas tetapi anak tembaga tidak ditimbang. Oleh itu, bolehkah atau tidak dia dipertimbangkan dan Yang Berhormat Menteri tahu di atas perkara ini sebab pada masa ini permohonan sudah ditutup.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, suka saya membuat penjelasan di sini iaitu Ahli Yang Berhormat mengatakan permohonan sudah ditutup. Sebenarnya, apa yang saya terangkan baru-baru ini sudah ditutup ialah bagi Kuala Lumpur dan Petaling Jaya kerana sudah terlampau banyak, bagi tempat-tempat yang lain kalau ada kosong masih diterima.

Yang kedua, berkenaan dengan ada anak emas dan anak tembaga, yang sebenarnya Lembaga tidak ada menganggap lain orang anak emas dan lain orang anak tembaga, melainkan kita timbangkan mengikut meritnya. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu boleh memberi permohonan yang specific kepada saya, saya boleh berikan pertimbangan.

LEBUHRAYA TIMUR/BARAT

14. Tuan V. SM. Vellayappa minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan kemajuan pembinaan Leboh Raya Timor/Barat dan bilakah projek ini dapat disiapkan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa setakat ini sepanjang 33 batu jalanraya Timor/Barat telah disiapkan dan boleh

digunakan oleh kenderaan-kenderaan bermotor iaitu sepanjang 21 batu dibahagian sebelah Barat yang bermula dari Grik, Perak dan sepanjang 12 batu di bahagian sebelah Timor yang bermula dari Jeli, Kelantan. Adalah dijangkakan kedua-dua bahagian jalan tersebut akan dapat disambungkan menjelang akhir tahun 1977 dan projek keseluruhannya dijangka akan disiapkan pada penghujung tahun 1979.

Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berapa batu jauhnya untuk menemukan yang hujung dengan yang pangkal.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, dari Grik ke Jeli sejauh 72 batu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1977

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (14hb Disember, 1976).

3.24 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sidang Dewan ini menangguhkan persidangannya semalam, saya cuba memberi pandangan kepada Kerajaan mengenai apa yang perlu diperbaiki sebelum sesuatu kerja bagi melancarkan pembangunan negara kita ini di bawah rancangan lima tahun ketiga ini dijalankan. Saya sedang memberi pandangan kepada Kerajaan tentang apa yang berlaku di Pelabuhan Kelang.

Tuan Yang di-Pertua, Pelabuhan Kelang ialah satu Pelabuhan Kebangsaan kita, sebuah national port, tempat bagi negara kita mengeluarkan hasil negara, segala bijih, getah, kayu dan sebagainya dikeluarkan menerusi Port Kelang dan kalau hendak dikeluarkan menerusi Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Singapura maka sudah tentulah harga pengeluarannya lebih mahal daripada Pelabuhan Kelang ini. Oleh itu, kita haruslah memandang berat tentang apa yang

bawah Port Authority. Ini tidak berlaku di Pulau Pinang umpamanya. Di Pulau Pinang kita adakan private stevedoring. Mereka ini mengangkut barang. Dan oleh kerana mereka ini private stevedoring, mereka ini terpaksa menjaga buruh-buruh bekerja bertungkus lumus, mana yang tidak mahu bekerja, dia buang kerja. Mereka ini menjaga kepentingan syarikat masing-masing. Tetapi bagi Pelabuhan Kelang ini, stevedoring dipegang oleh Port Authority. Jadi Port Authority sendiri pegang ini dan Port Authority tidak berkemampuan untuk mengawal perkhidmatan kakitangannya. Inilah yang menyebabkan kelemahan-kelemahan dalam perkhidmatan Pelabuhan Kelang. Tidak sebagaimana Pelabuhan Singapura. Pelabuhan Singapura mereka mampu menjalankan kerja stevedoring ini dan mereka mampu menghadapi masalah-masalah yang timbul. Mereka lebih keras dan lebih tegas menghadapi pekerja-pekerja yang ada di pelabuhannya. Dan inilah menimbulkan baik nama mereka di dalam memberi perkhidmatan pengangkutan yang ada di Singapura itu.

Bagi saya dalam masalah Pelabuhan Kelang ini, saya menyeru kepada Kerajaan, saya menyeru kepada Kementerian Perhubungan supaya segera mengambil tindakan-tindakan yang tegas.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya suka hendak suarakan di sini ialah mengenai Kementerian Pelajaran saya rasa sudah sampai masanya dengan kerana kenaikan belanja pengajian di London berlipat ganda tingginya dengan kerana timbulnya masalah dadah di London, masalah dakwah palsu di London, masalah murid-murid kita tidak begitu terkawal di luar negeri, maka saya rasa perlulah pada masa ini pihak yang bertanggungjawab dalam masalah pengajian tinggi kita ini mengulangkaji tentang sistem pengajian tinggi dalam negara kita ini sendiri. Saya kata begitu kerana kita faham bahawa kita sekarang menghadapi masa depan yang sangat jauh yang kita perlu kepada satu penyusunan pelajaran yang lebih baik.

Yang Berhormat Dr Lim Ah Sitt yang di hadapan saya ini walaupun dia bukan daripada parti Pembangkang bersama dengan kita di dalam Kerajaan menyuarakan perasaan tidak puas hatinya tentang kedudukan penuntut-penuntut yang masuk ke sekolah-sekolah tinggi di dalam negara kita ini. Saya rasa kalau dengan cara pemikiran saya yang tidak begitu bijak dalam pengajian tinggi ini,

maka saya nampak, Jawatankuasa Pengajian Tinggi kita perlu mengkaji kenapa mesti anak-anak kita pergi belajar ke London dengan lebih mudah masuk ke universiti daripada belajar di negeri sendiri dengan begitu susah hendak masuk universiti.

England ialah sebuah negeri yang dikatakan maju dalam pengajian tinggi. Tetapi lebih mudah menerima murid masuk universiti daripada negara kita yang baharu mengenali pengajian tinggi. Seorang penuntut Malaysia yang tidak dapat masuk ke Universiti Malaya pergi ke England, boleh masuk dengan senang, kerana cara peperiksaannya mudah. Diambil tiga mata pelajaran sahaja: Lulus, boleh masuk, dengan tidak payah sebagaimana yang ada di negara kita ini. Tetapi di negara kita ini terlampaulah jaga prestige, terlampau hendak mengikut colonial system pengajian tinggi sehingga satu-satu cara peperiksaan itu mestilah lulus kesemua mata-pelajaran sekali. Kalau tujuh pelajaran, tujuh mesti lulus. Kalau tidak lulus pelajaran am, tidak lulus semua matapelajaran dan tidak dapat masuk ke universiti. Tetapi kalau murid kita pergi ke England, dia ambil peperiksaan tiga matapelajaran; lulus, boleh masuk. Kalau tidak lulus, tunggu lagi enam bulan. Periksa lagi sekali: lulus, boleh masuk. Kadangkang dia himpulkan. Dia ambil dulu dua matapelajaran, enam bulan lagi ambil satu matapelajaran sahaja, cukup tiga masuk universiti. Tetapi yang balik daripada London, tidak meruntuhkan rumah yang dibuat. Kalau dia seorang engineer, tidak ada lagi rumah yang runtuh kerana engineer atau architect daripada England buat rumah di Kuala Lumpur. Cara kemasukan universiti-nya begitu. Jadi sekarang kenapa kita mesti mengikuti cara lama. Kenapa professor-professor yang ada di Universiti Malaya dan universiti-universiti lain dalam negara kita ini tidak boleh memandang jauh. Mereka ini sentiasa melawat keluar negeri. Kita telah buat perhubungan atau pertukaran mahaguru-mahaguru dan sebagainya. Kenapa sistem lama ini kita pakai? Kenapa kita tidak cuba hendak mengubah sistem kita ini supaya anak-anak kita ini lebih ramai, lebih mudah, lebih senang dapat pelajaran-pelajaran tinggi yang boleh membina negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham hari ini negara-negara maju sudah tidak lagi mahu memberi tempat kepada anak-anak

Kerana kalau sekiranya kita tidak kaji daripada sekarang, kalau kita tidak berhati-hati daripada sekarang, maka kita akan menem-poh berbagai-bagai kesulitan, kita akan menem-poh kesulitan yang menyebabkan kita tidak dapat berjalan dengan lancar. Jadi, saya rasa kita bolehlah memberi kepujian yang tinggi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ada sekarang, kerana saya telah membaca dalam akhbar kenyataannya beliau lebih bersedia mendengar teguran, lebih bersedia mendengar apa buah fikiran daripada rakyat umum, dari Ahli-ahli Dewan, daripada ahli-ahli politik dan sebagainya. Jadi, kalau inilah sikap Perdana Menteri kita, maka saya rasa kita akan selamat di masa depan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah akhbar inipun penting juga saya sebutkan, dalam masalah kebebasan akhbar saya rasa baik kita tegur, kalau saya diizinkan tegur. Daripada perhatian saya kebebasan akhbar yang ada dalam negara kita ini telah kita berikan kepada akhbar luar negeri daripada akhbar dalam negeri ini. Kita dapat mendengar suratkhobar yang keluar di Hong Kong mengutip segala berita khabar angin di kaki lima mereka menjadi satu berita yang merupakan benar-benar dan mencetakannya serta menaburkan ke seluruh dunia. Kita di sini pun menerima cetakan itu, mengizinkan dan menjadi edaran yang begitu lebar dalam negara kita ini. Kadangkala ada Menteri tidak senang tidur kerana tidak dapat baca akhbar itu.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat itu sebutkan apakah nama suratkhobar daripada Hong Kong itu?

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu mahu saya berterus-terang di dalam Dewan ini dan saya sentiasa berterus-terang. Akhbar yang saya tujukan itu ialah Far Eastern Economic Review, sebuah akhbar yang dikeluarkan di Hong Kong dan kita tidak tahu siapa dibelakangnya. Adakah C.I.A. di belakangnya, adakah kominis dibelakangnya, siapakah dibelakang yang finance akhbar ini, kita tidak tahu, tetapi apa yang dikeluarkan oleh akhbar ini sentiasa mengancam perpaduan di peringkat pucuk pimpinan negara kita ini.

Akhbar ini pernah diharamkan masuk ke Indonesia kerana cuba menghancurkan perpaduan pucuk pimpinan di Indonesia tetapi kita di sini masing-masing berebut hendak membeli sehingga ada yang membeli dengan cara black market kerana cari di pasar tidak ada. Beli secara black market harganya lebih mahal—bagi dua kerana ada orang besar negeri yang hendak baca. Pembesar negeri menghulurkan wang untuk membeli cara black market untuk membaca perkhawaran itu yang mana akhbar dalam negeri kita tidaklah begitu bebas mengeluarkan suara kerana barangkali lebih hampir dengan Kerajaan, lebih hampir dengan pihak yang bertanggungjawab. Jadi kalau hendak dikeluarkan barangkali kena talipon, mungkin Managing Directornya berkata: nanti, jangan keluarkan lagi. Saya rasa ini adalah satu masalah dan yang paling mendukacitakan kita ialah rakyat Malaysia yang menulis hal Malaysia kepada akhbar di luar negeri untuk membuka segala isi perut yang ada dalam Malaysia ini supaya dunia tahu apa yang berlaku. Rakyat kita, orang yang dikatakan mengaku taat setia dengan negara kita, inilah orangnya. Saya rasa sudah sampai masanya patutlah disuarakan sedikit kepada mereka ini supaya mengenali sedikit Rukunegara kita dan tanggungjawab kepada negara supaya negara kita tidak akan tergugut dengan sebaran-sebaran yang secara tidak waras ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak mengambil masa panjang Dewan ini kerana saya telah mengambil masa yang cukup panjang dan saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain seperti Saudara Kamarul Ariffin kita barangkali beliau banyak modal lagi yang hendak disuarakan kepada Dewan ini, maka sekian sahajalah saya berhentikan ucapan saya.

3.53 *ptg.*

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sangka akan teguran ikhlas yang saya buat pada 20hb Ogos tahun ini semasa kita membahaskan Rang Undang-undang yang digelarkan Akta Kumpulan Wang Disatukan Perbelanjaan Masuk Akaun, 1976 telah dipandang berat terutamanya oleh Menteri Kewangan. Pada masa itu saya mengatakan patutlah perbelanjaan negara bagi tahun hadapan diluluskan pada tahun ini. Nampaknya sekarang ini dapatlah Jabatan-jabatan

Kerajaan dan Kementerian-kementerian Kerajaan mengeluarkan peruntukannya sebelum bermulanya tahun 1977 dan amalan ini patutlah dikekalkan. Seperti Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri telah mengatakan di dalam Dewan ini dengan lambatnya keluar peruntukan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan, maka sudah tentulah dengan sendirinya tergendala projek-projek yang hendak dilaksanakan bagi tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, sistem perbelanjaan negara kita yang diamal sekarang ini pada keseluruhannya adalah baik. Bolehlah dikatakan kita mengamali satu sistem yang setanding, yang serupa, hampir sama dengan sistem yang diamalkan oleh negara-negara maju. Pada awal tahun ini semasa kita membahaskan budget bagi tahun 1976 ini, saya telah mengatakan di sini, janganlah kita amalkan ramalan Nujum Pak Belalang, kerana ramalan yang dibuat pada tahun 1975 bagi tahun 1976 tidak begitu tepat, banyak bezanya kalau sedikit bezanya tidak menjadi apa, tetapi bezanya terlampau besar. Saya sedar banyak perkara-perkara yang berlaku yang menyebabkan perubahan. Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri mengatakan, kalau ada perubahan dari segi kenaikan harga minyak yang mungkin dibuat dalam sehari dua ini oleh negara-negara O.P.E.C. di Doha, sudah tentu ini akan mengakibatkan pertukaran daripada ramalan yang dibuat dua tiga hari dahulu. Di sini saya sekali lagi suka menyoarakan bahawa patutlah negara kita mengadakan satu sistem ramalan yang agak saintifik, tekaan Nujum Pak Belalang tidak boleh dipakai lagi.

Setahu saya, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan negara-negara yang maju mengamalkan sistem-sistem ramalan yang menggunakan perkiraan yang hampir tepat. Saya tidak perlu menyebutkan negara-negara O.E.C.D. kerana mereka itu sudah mempunyai alat komputer yang besar yang boleh meramalkan dengan tepat. Kita ambil sahajalah negara-negara dalam Asia ini. Negara jiran kita umpamanya di Singapura, kalau tidak salah saya mereka memakai sistem yang menggunakan 28 equation econometric model dan di Korea menggunakan 32 equation econometric model.

Kita pakai apa? Saya tidak tahu. Saya harap Kerajaan kita dapat menjawab. Jikalau tidak ada perhatianlah sistem-sistem yang diamali oleh negara-negara itu, kerana dengan adanya ramalan yang saintifik itu, maka kita

boleh mengambil langkah-langkah yang tertentu dengan secepat mungkin, kalau dari esok umpamanya negara-negara O.P.E.C. menaikkan juga harga minyak, kita boleh dengan serta-merta mengambil tindakan-tindakan yang tertentu bagaimana hendak mengawal umpamanya supaya barang-barang pengeluaran negara dapat sekurang-kurangnya distabilkan. Banyak perkara-perkara yang boleh ditentukan jikalau kita menggunakan econometric model itu. Di sini saya minta sekali lagi supaya Kerajaan memandang berat kepada syor-syor yang saya kemukakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memandang kepada ramalan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri semasa beliau mengemukakan Ucapan Belanjawan di Dewan Rakyat pada bulan Oktober tahun ini dan perutusan Belanjawan yang dibuat beberapa hari yang lepas menunjukkan, mengikut ramalan beliau, kedudukan ekonomi negara kita akan bertambah baik. Keluaran Dalam Negeri (GDP) bagi tahun 1976 dijangka pada kadar 8.5% dan inflasi sekarang ini dijangka hanya sebanyak 3% sahaja berbanding dengan ramalan permulaan sebanyak 4.5%. Ini sungguh membanggakan kita. Itu menunjukkan kecekapan Kerajaan mengawal inflasi. Bagi negara kita inflasi bolehlah dikatakan satu barang impot yang baru. Kalau kita pandang kepada sejarah kita sepuluh tahun yang lampau perkara inflasi ini tidaklah boleh dikatakan perkara yang besar; hampir tak timbul, tetapi daripada sekarang ataupun daripada dua tahun yang lepas, perkara inflasi ini akan menjadi perkara biasa, tahun demi tahun. Bagi tahun hadapan inflasi diramalkan oleh Kementerian Kewangan sebanyak 5% dan saya rasa tanggungjawab ini bukannya tanggungjawab Kerajaan sahaja, tetapi menjadi tanggungjawab rakyat juga supaya mencari jalan-jalan untuk mengurangkan kadar inflasi. Kalau dapat kita mengurangkan kadar inflasi bawah daripada 5% yang dijangkakan itu, maka alhamdulillah, rakyat-rakyat kita dapat hidup dengan baik, tetapi sebaliknya kalau kadar inflasi ini naik lebih daripada 5% maka sudah tentu bahaya-bahaya tetap timpa pada rakyat-rakyat kita. Kita pandanglah contohnya kepada negara Arab Saudi umpamanya, sebelum kenaikan harga minyak petrol yang dibuat pada tahun 1973 kedudukan ekonomi negara itu boleh dianggapkan stabil juga. Tetapi apabila harga minyak dinaikkan pendapatan negara Arab Saudi bertambah-tambah banyak dan oleh kerana pendapatan yang begitu banyak maka dengan secara

otomatis inflasi di negara itu tidak dapat terkawal. Inilah sebabnya kalau kita pandang kepada lapuran yang terakhir yang baru saya terima ini, maka kita nampak Menteri Minyak daripada Saudi Arabia sendiri tidak bersetuju yang harga minyak petrol dinaikkan. Beliau meminta kalau boleh supaya harga minyak itu dikekalkan buat sementara kerana beliau sedar jikalau harga minyak naik negaranya sendiri juga akan mendapat kesusahan kerana inflasi yang akan berlaku di Saudi Arabia tidak boleh dikawal.

Saya nampak daripada lapuran yang saya baca seperti yang tertera dalam surat khabar petang ini, maka ada kemungkinan yang harga minyak petrol tidak akan dinaikkan dan saya sebagai rakyat Malaysia juga harap harga minyak petrol tidak akan dinaikkan oleh negara-negara OPEC kerana jikalau harga itu naik sudah tentu negara kita juga akan menerima kesannya sedikit-sebanyak.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sekarang ini sedang menjayakan seperti Yang Berhormat Datuk Nik Hassan mengatakan tadi tahun kedua Rancangan Malaysia Ketiga dan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kita mengharapkan pelaburan modal yang besar daripada pihak swasta. Negara kita mempunyai faktor-faktor yang memuaskan bagi pelaburan modal, bukannya sahaja daripada modal luar negeri tetapi juga daripada modal dalam negeri. Ini menyebabkan timbulnya satu perkara yang selalu digunakan oleh orang-orang yang tertentu iaitu apa yang dikatakan iklim pelaburan (*investment climate*). Iklim pelaburan ini digunakan oleh dua pihak dan saya berdukacita kadang-kadang menengok Yang Berhormat Menteri-menteri kita sendiri termasuk perangkap? Kenapa saya mengatakan masuk perangkap? Mereka yang tidak suka kepada negara kita dengan sebab-sebab yang tertentu mengatakan negara Malaysia tidak mempunyai iklim pelaburan yang baik. Tetapi kita yang duduk di sini, orang-orang luar yang betul-betul mengetahui kedudukan sebenarnya negara kita, mengetahui Malaysia memang mempunyai iklim pelaburan yang sebaik-baiknya. Bagi mereka yang tidak tahu mereka mengatakan iklim pelaburan di Malaysia tidak baik. Orang-orang yang tidak suka ke negara Malaysia mengatakan iklim pelaburan Malaysia tidak baik. Tetapi apakah hakikat yang sebenarnya? Apakah faktor-faktor yang menentukan bahawa iklim pelaburan sesuatu negara itu baik. Kita mempunyai kesemua-

nya. Dari segi politik, bolehkah dikatakan kedudukan politik negara kita ini tidak stabil? Tidak boleh. Betul kita ada perkara-perkara yang kita tidak bersetuju di antara satu sama lain. Itu tidak boleh dianggapkan sebagai perkelahian politik, pecah-belah politik—tidak boleh. Kalau saya tidak bersetuju dengan pendapat seseorang, itu tidak bermakna yang saya bermusuhan politik. Jadi, kalau kita pandang dengan sehalus-halusnya suasana politik di negara kita ini memang stabil.

Satu faktor lagi di dalam menentukan adakah baik atau buruknya iklim pelaburan ialah infrastruktur. Bolehkah dikatakan yang infrastruktur negeri kita ini kurang baik? Kalau kita bandingkan dengan negara-negara jiran, lebih baik. Bukan sahaja kalau kita bandingkan dengan negara jiran, dengan negara-negara di Eropah sekalipun kita mempunyai infrastruktur yang baik. Bagaimana pula dari segi perundangan atau kehakiman. Kita megah dengan cara kita menjalankan perundangan di negara kita, baik dari segi kehakiman atau dari segi perundangan. Mahkamah kita bebas. Barang siapa sahaja yang tidak bersetuju ataupun dianggap dirinya tertindas boleh merayu ke mana-mana mahkamah sehingga ke mahkamah yang tinggi sekalipun. Bolehkah itu dikatakan negara kita tidak stabil. Kedudukan undang-undang kita tidak terjamin? Hakim kita dipengaruhi? Tidak boleh. Ini adalah di antara faktor-faktor yang menentukan bahawa iklim pelaburan di negara kita ini adalah yang terbaik, bukannya sahaja di rantau ini tetapi di dunia. Inilah yang menyedihkan saya kerana ada orang yang memomok-momokkan negara Malaysia mengatakan iklim pelaburan di sini tidak baik.

Baru-baru ini kita dengar orang mengatakan langkah-langkah yang dijalankan di sini untuk memiliknegerakan secara pintu belakang atau “back door nationalization”. Orang semacam ini adalah pengkhianat besar kepada negara kita. Adakah boleh dikatakan tindakan-tindakan oleh swasta yang mengikut lunas-lunas tertentu, mengikut lunas-lunas undang-undang, adakah itu boleh dianggap sebagai langkah Kerajaan hendak memiliknegerakan sesuatu perusahaan? Tidak. Sebenarnya, tuduhan yang liar ini dibuat oleh mereka yang mempunyai kepentingan diri sendiri ataupun mereka yang mempunyai vested interest, yang takut periuk nasinya dihancurkan. Itulah sebab mereka membuat

tuduhan liar semacam ini dan juga lapuran yang tertera di dalam majalah seperti yang disebut oleh sahabat saya Datuk Nik Hassan itu juga dibuat oleh wartawan lapuk yang tidak diterima lagi. Kita tahu siapa mereka itu. Bolehkah kita benarkan mereka semacam ini menjahanamkan hasrat kita? Bolehkah kita biarkan sahaja mereka itu memburuk-burukkan negara kita dengan mengatakan iklim pelaburan di Malaysia ini tidak baik? Saya rasa tindakan yang sewajarnya patut diambil untuk membetulkan kedudukan ini. Bagi mereka yang betul-betul tahu kedudukan negara kita, bagi syarikat-syarikat (companies) di Eropah dan Amerika yang mengetahui benar-benar iklim pelaburan negara ini mereka mesti sedar Malaysia mempunyai iklim pelaburan yang baik. Mereka tidak datang ke sini setahun-dua ini bukan kerana apa, kerana mereka sendiri adalah di dalam kesusahan di negara mereka sendiri. Kita pandanglah ekonomi dunia dan ekonomi Amerika Syarikat sendiripun ataupun ekonomi negara-negara Eropah, mereka sendiri di dalam kesusahan. Oleh yang demikian, kita tidak harapkan mereka datang kemari hendak menanam modal. Ini hanya buat sementara waktu.

Saya pernah berdamping rapat dengan banyak syarikat-syarikat daripada luar negeri seperti daripada Amerika Syarikat, daripada Jerman, daripada Jepun dan daripada United Kingdom. Kebanyakannya boleh dikatakan syarikat-syarikat itu yang datang kemari memberi akuan, membuat kenyataan bahawa jika dibandingkan iklim pelaburan di sini dengan negara lain yang menawarkan kemudahan yang sama, negara Malaysia adalah lebih jauh tinggi mutunya daripada negara-negara lain. Inilah orang-orang yang sebenarnya yang patut kita pandangkan, mereka itulah orang-orang yang mempunyai kemampuan untuk melaburkan modal di dalam negara kita. Pandangan-pandangan mereka itu patut kita sanjung tinggi, bukannya wartawan lapuk, bukannya eksekutif-eksekutif yang mempunyai kepentingan diri sendiri seperti apa yang telah berlaku baru-baru ini.

Satu contohnya yang menunjukkan Kerajaan kita bertimbang rasa, mengerti kehendak pelabur-pelabur yang benar-benar yang hendak melaburkan modal, ialah penyelesaian di antara PETRONAS dengan syarikat-syarikat minyak. Ini membuktikan bahawa kita mempunyai sikap yang jujur. Kalau betul-betul syarikat itu merasa mereka tidak akan untung

jika mereka melabur di sini kita sedia mengajanya. Kita sedia menimbang. Kita mengajak mereka ke mari, kita sedar mereka itu melaburkan modal dengan banyak dan sudah tentu kita juga mahu mereka mendapat untung, dan itulah sebabnya bila syarikat-syarikat itu datang ke mari mereka mengerti kehendak kita dan kita juga mengerti kehendak mereka. Maka dengan itu dapatlah penyelesaian supaya bukan sahaja untung kepada syarikat-syarikat itu tetapi juga kepada negara kita. Ini membuktikan bahawa Malaysia adalah satu negara yang bertimbang rasa, yang adil terhadap pelabur-pelabur yang datang ke negara ini untuk melaburkan modal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati kepada satu kenyataan yang dibuat baru-baru ini oleh Milton Friedman pemegang Nobel Prize dalam bahagian ekonomi tahun ini yang mana beliau menyatakan kalau dia mempunyai wang untuk melabur, dia tidak akan melabur di Britain. Beliau bercakap pada masa berada di Britain. Katanya, sesiapa yang melabur di Britain sekarang ini orang itu adalah orang gila. Ini percakapan seorang pemenang Hadiah Nobel bahagian ekonomi tahun ini dan beliau tidak membuat kenyataan yang melulu. Itu tidak bermakna yang iklim pelaburan di Britain itu buruk, masih juga ramai orang pergi melabur di sana. Pelaburan tetap berjalan teguran-teguran yang ikhlas itu berdasarkan sesuatu. Begitu juga kedudukan di negara kita, teguran-teguran yang ikhlas itu, kita sedia juga sanjung tinggi. Mana perkara yang patut dibetulkan, kita akan betulkan. Itulah sebabnya apabila teguran dibuat terhadap Akta Penyelarasan Perindustrian, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan beliau akan mengkaji supaya pindaan tertentu dibuat untuk memperbaiki lagi Akta itu dengan tidak lari daripada tujuan asalnya. Memang ada perkara-perkara di dalam Akta itu memerlukan perbaikan. Itu sekali lagi menunjukkan bahawa negara kita ini bertimbang rasa. Kalau ada seruan yang dibuat iaitu Akta ini tidak akan menguntungkan negara sudah tentu Kerajaan akan mendengar dan akan mengambil tindakan untuk memperbaiki mengikut syor-syor atau pandangan-pandangan yang dikemukakan itu. Berkenaan dengan Akta Penyelarasan Perindustrian, sungguhpun satu kenyataan telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tetapi

malangnya setakat ini belum lagi ada apa-apa Rang Undang-undang dikemukakan di dalam Dewan ini untuk pindaan.

Saya rasa sekiranya ada pindaan hendak dibuat, eloklah perjumpaan diadakan di antara Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan wakil-wakil Dewan Perniagaan supaya betul-betul boleh mencari jalan bagaimana hendak memperbaiki Akta itu. Seperti saya katakan di Dewan ini semasa kita membahaskan Akta itu, saya telah mengatakan bahawa Akta itu ada baiknya, Akta itu seperti pisau dua mata. Kita sedar banyak industri-industri di negara kita ini telah berkembang dengan tidak teratur dan itu kita tidak mahu. Banyak pelabur-pelabur yang telah datang ke negara kita ini mendirikan kilang, dengan jaminan bahawa kilang itu boleh berjalan beberapa waktu, tetapi sebulan dua selepas itu satu kilang yang sama ditubuhkan. Ini sudah tentu mematikan kilang yang pertama. Inilah perkara-perkara yang memerlukan koordinasi yang rapi. Itulah sebab saya katakan ada baiknya. Banyak perkara-perkara di bawah Akta itu yang baik. Begitu juga ada perkara-perkara yang lemah seperti juga yang telah saya suarakan masa kita membahaskan Rang Undang-undang itu. Perkara-perkara yang lemah ini patut sangatlah dirundingkan di antara pihak Kementerian bersama dengan wakil-wakil Dewan Perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi kepada perkara lain, saya suka menyentuh balik kepada perkara yang saya rasa tidak adil. Ini berkaitan dengan mereka yang menjalankan perniagaan di negara kita, tetapi badan itu bukannya ditubuhkan di bawah undang-undang negara kita. Umpamanya, syarikat-syarikat yang ditubuhkan di luar negara Malaysia samada di United Kingdom, Australia, Jepun, Amerika Syarikat, Jerman atau di mana-mana sekalipun. Syarikat itu mengikut undang-undang yang ada sekarang ini boleh menjalankan perniagaannya di negara kita dengan mendaftarkan dirinya sebagai satu cawangan di bawah Akta Kompeni 1965, khususnya Part IX, Division II, Seksyen 329. Di bawah peruntukan ini banyak syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaannya di negara kita. Saya rasa ada baiknya kalau saya sebutkan satu daripada syarikat itu, umpamanya Sime Darby yang telah menjadi buah mulut di beberapa waktu yang lepas. Di bawah Undang-undang tubuh (Memorandum and Articles of Association)

syarikat itu, Ahli-ahli Lembaga Pengarah mesti dipilih oleh ahli-ahli biasa di Mesyuarat Agong. Tetapi Ahli Lembaga Pengarah itu boleh disingkirkan oleh hanya pengarah-pengarahnya sahaja tidak perlu mendapat keputusan di mesyuarat agong. Bagi kita di negara kita, kita tak benarkan perkara yang seperti itu berlaku. Seksyen 128, Seksyen-kecil 8, Akta Syarikat 1965 kita melarang apa juga syarikat-syarikat yang ditubuhkan di negara kita ini berbuat demikian. Kalau ada peruntukan itu di dalam Articles of Associationnya, maka peruntukan di bawah Article itu tidak boleh dipakai. Tetapi syarikat-syarikat yang ditubuhkan di luar negeri tadi banyak mempunyai peruntukan-peruntukan yang semacam itu tetapi mereka boleh mendaftarkan diri dengan secara bebas sahaja. Saya rasa ini tidak adil. Apa juga syarikat-syarikat yang ditubuhkan di luar negeri dan hendak berniaga di negara kita ini mestilah sekurang-kurangnya mengikut peraturan kita. Kalau dia tidak memenuhi peraturan-peraturan seperti yang kita amalkan di negara kita ini, tak usah dibenarkan datang ke negara kita. Kalaulah kita benarkan begitu, sudah tentu banyak syarikat-syarikat yang hendak mencari kesempatan, hendak mencari jalan bagaimana dia boleh menguasai seperti saya sebutkan tadi, mereka menubuhkan di luar negeri dan datang ke mari mendaftar di bawah Seksyen 329 Akta Syarikat kita iaitu berkaitan dengan apa yang digelar di sini sebagai foreign company. Kalau tak timbul masaalah Sime Darby ini, mungkin saya juga tak nampak. Maka ada baiknya masaalah Sime Darby ini timbul maka saya nampak bahaya yang akan berlaku kepada negara kita sekiranya tindakan tertentu tidak diambil untuk meminda Akta Syarikat ini supaya kita dapat kawal syarikat-syarikat semacam itu. Syarikat Sime Darby hanya sebagai contoh, syarikat-syarikat boleh ditubuhkan di Amerika Syarikat, Jepun, Indonesia, Singapura dan mereka tidak perlu mengikut peraturan yang sama yang dikenakan kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan di Malaysia. Ini rasa saya tak patut. Kenapa syarikat-syarikat yang ditubuhkan di Malaysia sahaja yang patut dikawal dengan rapi dan tidak kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan di luar Malaysia? Ini sudah tak adil. Saya harap Kerajaan mengambil pandangan saya ini dan meminda Akta Syarikat ini dengan secepat mungkin.

agak panjang sedikit kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berbahas, kerana nampaknya dalam perbahasan yang saya telah mengambil bahagian, saya tidak dapat langsung menegur beberapa Kementerian yang saya rasa patut saya tegur, memandangkan masa yang telah diberikan. Walau bagaimanapun, sebelum saya duduk, sukalah saya menyatakan sokongan saya yang penuh terhadap Rang Undang-undang yang dikemukakan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.40 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.05 petang

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)

5.05 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan dan juga kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan bagi tahun 1977.

Saya serta Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dalam Dewan ini sangat-sangat berharap apa-apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu akan dapat dijalankan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kerajaan akan memberi pinjaman untuk membeli rumah murah kepada orang-orang yang berpendapatan \$500 ka bawah. Apa yang mendukacitakan saya bahawa perkara ini sudah berlaku. Sekiranya Kerajaan telah memutuskan sesuatu benda itu akan diberi dan Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi kuasa kepada pegawai-pegawainya, mungkin ramai orang yang datang untuk mendapatkan borang atau pertolongan, tetapi jawapan daripada setengah-setengah pegawai mengatakan; awak ini tidak layak kerana pendapatan awak lebih dari \$500, awak hanya layak mendapatnya kalau gaji awak \$300 ke bawah. Jadi masalah ini seharusnya tidak berlaku di mana-mana negeri untuk memberi pinjaman

membeli rumah murah. Kerajaan hendaklah menjalankan perkara ini dengan seadil-adilnya. Pegawai-pegawai itu hendaklah bertugas dengan betul dan tidak memberikan perhatian yang berat kepada famili-famili mereka sahaja bagi mendapatkan pinjaman itu.

Yang kedua, saya suka menarik perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ramai Ahli-ahli Dewan Negara ini yang tinggal di Kuala Lumpur. Saya berasa kasihan memandangkan mereka, sebab kami yang datang dari jauh menerima elaun sebanyak \$50 sehari tetapi Kerajaan tidak patutlah membekukan pembayaran kepada mereka yang tinggal di kawasan Kuala Lumpur ini. Mereka juga duduk di dalam Dewan ini berjam-jam dengan tidak pergi ke mana-mana dan oleh kerana Kerajaan tidak akan membayar elaun itu sepenuhnya, maka berilah setengah pun cukuplah untuk perbelanjaan mereka datang ke mari.

Elaun drebar Yang Berhormat Senator-senator patut juga ditambah. Saya tahu, walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat dari luar Kuala Lumpur menerima elaun \$50, tetapi bagi Datuk-datuk dan Tan Sri-Tan Sri yang ada di sini tentulah duduk di hotel yang mahal-mahal dan di mana pula drebar mereka itu hendak duduk? Tidak patutlah mereka itu pergi tinggal di tempat-tempat lain malah mereka itu terpaksa menambah wang sendiri untuk memberi elaun derebarnya. Kerajaan patut mengambil perhatian yang berat di atas perkara ini.

Apa yang mendukacitakan saya ialah Kerajaan kita ada mempunyai undang-undang, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat di sini telah bercakap iaitu Kerajaan akan menetapkan satu undang-undang sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah apabila seseorang Ahli telah ditangkap atau ditahan, Kerajaan hendaklah membuat pilihan dengan secepat mungkin supaya kerusi yang kosong itu dapat diisikan oleh orang lain. Apabila mendengar desas desus tentulah Kerajaan akan menyiasat lebih mendalam lagi dan kalau hendak menjatuhkan hukuman kepada seseorang itu, biarlah dengan adil dan saksama supaya tidak menandatangani tuduhan oleh negara-negara lain.

Walaupun kita faham, kita tahu banyak anti-Kerajaan tetapi kalau kita sendiri sudah tahu orang itu anti-Kerajaan bercampur gaul dengan kominis dapatlah kita berhubung

dengan Kementerian yang berkenaan supaya ditangkap atau dilokap mereka dan tidak payahlah kita bentang di hadapan khalayak ini. Bukanlah saya suka hendak merebakkan perkara kominis, saya juga benci kominis ada di dalam Kerajaan kita dan di dalam negara kita. Kita tidak tahu kominis itu ada di mana minta maaf, barangkali di sekeliling kita ini juga boleh jadi satu masa menjadi kominis. Apa yang saya musykilkan, janganlah kita meluas-luaskan, kita sama-samalah mengawasi kedudukan Kerajaan kita, kita memberi sokongan kepada Menteri kita yang mana telah dijanjikan kepada rakyat hendak hapuskan anasir-anasir kominis yang telah membuat huru-hara.

Perkara ketiga, sebagaimana sahabat saya Senator Raja Datuk Nong Chik telah bercakap berkenaan dengan UDA dan PERNAS. Saya juga merasa sedih kepada UDA, umpamanya, di Pulau Pinang. Walaupun UDA telah berjanji akhir tahun ini akan memberi rumah atau kedai iaitu tempat yang telah ditetapkan, tetapi sehingga saya datang ke Dewan ini belum ada surat yang telah diberikan kepada Kerajaan Pulau Pinang atau kepada sesiapa yang meminta. Begitu juga PERNAS. Kerajaan menubuhkan PERNAS ini untuk memberikan peluang kepada rakyat atau kepada bumiputra tetapi bumiputra ini tidak boleh menerima dengan sewenang-wenangnya, sangat susah, sangat payah. Apa yang kita telah memohon atau sesiapa memohon tetapi awak tidak boleh sebab sudah ada ajennya. Ajen ini bukan orang Melayu tetapi kita hendak mengembangkan perniagaan Melayu, kita hendak memberi keistimewaan kepada orang-orang bumiputra tetapi mengapakah PERNAS boleh menjawab sudah ada itu, sudah ada ini, tuan-tuan dan puan-puan tidak boleh menjadi agen-agen daripada negeri China. Perkara inipun patut Kerajaan siasat. Kalau hendak menyusahkan rakyat tidak patut diadakan badan ini.

Perkara keempat, sekolah-sekolah rendah yang telah dijanjikan oleh Kementerian akan diberikan buku-buku percuma kepada murid-murid dari Darjah I sehingga VI tetapi sangat susah bila mana ahli-ahlinya yang tidak berada atau orang susah hendak pinjam buku-buku itu hendak cari J.P., hendak cari Yang Berhormat, hendak cari itu, hendak cari ini—susah. Jadi tidak usahlah buat begitu lagi, kalau Kerajaan sudah mengeluarkan buku-buku percuma.

Perkara kelima, berkenaan pejabat-pejabat. Banyak orang salahkan Menteri-menteri. Saya rasa Menteri-menteri yang kena marah tetapi ada juga Menteri-menteri yang simpati dengan rakyat tetapi kakitangan yang berada di dalam Kerajaan itu mereka sombong dan bongkak, mereka tidak memandang sesiapa pun. Kalau mereka ada kawan baik atau orang yang mereka suka, orang itulah diberi keutamaan, diberi sokongan dengan sepenuhnya. Saya berharap kepada kakitangan Kerajaan walaupun saya tidak menyebut nama pejabat-pejabat itu, ubahlah corak kerana Kerajaan kita telah berjanji 30 tahun ini akan beri keistimewaan kepada rakyat dan kepada bumiputra, tetapi masa sudah berjalan hampir 10 tahun, berapa keratakah orang-orang Melayu yang telah menjadi pengedar-pengedar besar atau mempunyai kilang-kilang yang besar. Saya harap kepada Kerajaan dan juga kepada kakitangan Kerajaan. Saya percaya Menteri-menteri kalau kita berkata di sini benar sekalipun, Menteri-menteri boleh jawab, itu tidak betul, ini tidak betul. Menteri sahaja yang betul, Ahli-ahli Dewan ini tidak betul. Jangan begitu. Saya minta kepada Menteri atau Timbalannya hendaklah memandang bukan semua Ahli di dalam Dewan ini orang yang tidak cekap, orang yang tidak ada berpelajaran, orang yang tidak ada otak tetapi selalu Menteri bangun menjawab dengan marah dan menghentam balik Ahli-ahli Dewan ini, bagaimanakah Ahli-ahli Dewan ini hendak bercakap. Kalau disoal lebih, awak duduk diam, ini tidak betul. Kami berharap kepada Kerajaan dan kepada Menteri-menteri kerana kami sanjung tinggi kepada Menteri-menteri ini, bapa-bapa kami yang kami minta pertolongan, yang kami minta kasihan belas kepada Menteri-menteri supaya rakyat bumiputra ini dapat satu kejayaan yang lebih lagi pada masa sekarang ini.

Berkenaan dengan talivisyen dan radio, kawan-kawan saya juga telah bercakap kelmarin. Saya minta kepada Menteri Penerangan supaya diturunkan bayaran lesen talivisyen dan radio ini kerana masa sekarang \$24 bagi radio dan talivisyen. Orang kampung orang yang miskin ingin kepada radio dan talivisyen walaupun mereka susah, mereka ingin kepada hiburan, mereka ingin hendak dengar apa yang Kerajaan telah jalankan. Jadi, patut diturunkan sedikit bayaran lesen itu. Begitu juga gambar-gambar yang telah

ditayangkan, mungkin menghangatkan hati orang yang menengoknya. Umpamanya, rancangan tinju itu, saya rasa tidak berguna, filem dibawa daripada luar, peninjunya tidak berbaju, bergaul dalam talivisyen, bersoraklah kita, wang kita juga habis. Gambar-gambar yang ditayangkan seperti gambar Melayu sudah beratut tahun dahulu dan setengahnya telah ditunjukkan—tiba-tiba terhenti. Kata juruhebah: "Minta maaf, tuantuan dan puan-puan, gangguan gambar sementara". Perkara seperti ini hendaklah diperbaiki. Bila ada gambar Hindi atau Hindustan, gambar itu mula ditayangkan pada pukul 5.30 petang. Ketika anak-anak atau ibu-ibu sedang menuntun maka tibalah waktu azan Maghrib, jadi terhentilah tayangan gambar itu. Jadi selepas waktu azan dan Warta Berita barulah disambung semula tayangan gambar itu kepada kami yang ingin hendak melihatnya. Juga drama yang ditunjukkan tidak memuaskan kerana kami sakit, kami bayar wang, TV dibeli dengan harga yang mahal tetapi drama-drama yang ditunjukkan tidak berkesan sebagaimana kata Yang Berhormat Datuk Nik Hassan tadi. Juga tidak tahu dimanakah pangkal dan dimanakah hujungnya drama-drama yang telah ditunjukkan itu. Kalau sesuatu itu hendak dibuat hendaklah ditunjuk dari mula sehingga akhir walaupun pendek supaya faham orang-orang yang melihatnya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini gambar "Si Putih" telah ditunjukkan. Apa ertinya drama itu. Ayam disembelih dibawa ke rumah, kemudian diberikan semula kepada orang, lepas itu selesai, tidak tahu apakah ceritanya. Perkara ini pun hendaklah diingat. Janganlah Menteri-menteri hanya berfikir ingin hendak mengutip wang, tidak hendak pergi siasat, bagaimanakah kerjakerja yang dijalankan oleh pegawai-pegawai itu.

Saya tidak hendak bercakap panjang dan saya meminta kepada Kerajaan walaupun kelmarin Menteri menjawab, kalau tidak salah saya Yang Berhormat Menteri Pelajaran menyatakan belum ada lagi satu pelajaran agama di sekolah-sekolah rendah. Kalau tidak ada pelajaran agama sepatutnya hendaklah diadakan untuk anak-anak yang kecil itu supaya dilatih di dalam agama yang maha suci ini kerana kalau kita latih anak-anak kita dari kecil di dalam segi agama

mungkin mereka itu tidak menghisap dadah, tidak menghisap ganja, tidak menjadi pencuri dan tidak menjadi perompak.

Baru-baru ini beberapa belas orang telah ditangkap di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang kerana menghisap dadah. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat membawa perkara ini dengan secepat mungkin dan jika beliau menyuruh saya menunggu bolehlah saya menunggu, tetapi saya harap hantarlah dengan secepat mungkin orang-orang yang bersalah itu. Sudah bersalah tidak boleh dilepaskan, janganlah diberi makan kenyang-kenyang bila gemuk dikeluarkan, wang kita juga yang habis. Bila sudah ditangkap hendaklah dibicarakan supaya ibubapa itu senang hati. Kalau pada hari ini ibubapa menjamin mereka itu, apabila mereka keluar mereka pergi merompak atau pergi menyamun, ditangkap menjadikan pula satu lagi kes. Berapa keskah seorang hendak dikenakan. Salah siapa? Salah kita salah Kerajaan. Kalau tidak cukup hakim-hakim, tambahlah hakim itu, letakkan di situ supaya bagaimana kita lihat hakim-hakim yang bijak, pandai berilah gaji yang lebih mungkin mereka duduk menjadi hakim. Tetapi hari ini bila ditanya hakim-hakim tidak cukup, itu tidak cukup. Di dalam hospital nurse tidak cukup doktor tidak cukup. Mengapa semuanya tidak cukup. Sebab setengah-setengah pejabat lengah. Begitu juga kalau kita hantar surat di pejabat meminta sesuatu benda yang mana mengikut undang-undang Kerajaan sebelum seminggu hendaklah dijawab, boleh atau tidak boleh, tetapi sebulan, dua bulan, tiga bulan belum menerima jawapan. Umpamanya, Ahli-ahli Dewan Negara ini mereka tahu mereka hendak dilantik semula menjadi Ahli Dewan Negara, tetapi hati sudah risau surat belum dapat. Jawapan belum diterima. Perkara-perkara ini semuanya hendaklah dibaiki, janganlah Menteri-menteri datang hendak marah kepada orang-orang yang bercakap. Saya berharap dan saya tidak hendak memanjangkan ucapan saya kerana ramai lagi Ahli-ahli di sini, saya menghormati dan saya tidak hendak mengambil masa, tetapi saya juga meminta kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua supaya pada masa yang akan datang ini berilah masa itu lebih, kasihanlah sahabat-sahabat kita seperti Datuk Hussein Noordin ini ada empat kajang ucapan menunggu untuk bercakap.

Kalau disekatkan masa hilanglah point beliau hendak bercakap. Kalau seperti saya tidak ada satu kertas di depan saya, saya bercakap apa pun boleh dihadkan dan berhenti. Tetapi pada orang yang sudah menulis tidak dapat mereka hendak memberi penjelasan. Seperti Yang Berhormt Tuan Kamarul Ariffin tadi, banyak lagi perkara yang hendak dicakapkan oleh beliau dan kami pun suka beliau bercakap, tetapi memandang kepada masa sudah suntuk.

Perkara ini telah beberapa kali dilaungkan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi mengapakan Menteri tidak kasihankan belas kepada Dewan Negara. Dewan Negara sebuah Dewan yang besar, Dewan yang tertinggi tetapi pangkatnya rendah. Namanya sahaja tinggi. Oleh itu berilah ketinggian supaya semua orang percaya Ahli Dewan Negara ini boleh bercakap, jangan Menteri sahaja yang bercakap. Saya berharaplah kalau TV tunjuk pun, tunjuklah jangan tunjuk Menteri sahaja. Tunjuk orang yang bercakap ini sama. Saya tengok semalam tidak ada gambar Ahli-ahli yang bercakap. Saya tunggu hendak menegok, tetapi tidak ada dan Menteri bercakap ada keluar gambarnya. Fasal apa? Tentu orang pun hendakkan gambar dia juga. Mereka datang dari jauh dan merasa bangga bahawa mereka datang kerana pergi mesyuarat di Dewan Negara. Jadi, tidak ada gambarnya di situ. Cakap apa pun tidak ada dikeluarkan dalam radio dan dalam TV. Saya berharap tolonglah arahan kepada TV supaya dapat muka orang-orang yang datang ke Dewan Negara ini ditunjuk gambarnya dalam TV.

5.27 ptg.

Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong peruntukan Belanjawan, 1977 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dengan ini saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan di atas kejayaannya membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan, 1977, Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris mana-mana yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah kali yang pertama Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang baru ini menunjukkan kebolehannya mengeluarkan Belanjawan yang sederhana (a reasonable one). Saya percaya

beliau telah bersusah-payah menyediakan Anggaran Perbelanjaan, 1977 ini, sukacita saya menyebutkan di sini saya adalah salah seorang (one of them) daripada orang-orang yang mendapat faedah daripada tax relief. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada beliau dan juga kepada Kerajaan kita (also to our benign Government).

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang miskin dan juga yang berpendapatan rendah sangatlah bersukacita di atas rancangan pinjaman as we have seen in the papers today—"a splendid idea", untuk menolong kaum yang miskin ini. Tetapi saya haraplah bahawa it is properly and speedily implemented. If not this scheme too will suffer from that floating file phenomenon or from that modern disease, we doctors call, "failure of copeability". I would, therefore strongly support the proposal of Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin regarding the appointment of a "Housing Commission" or a "Badan Khas" to supervise this project.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat semua sangatlah sukacita dengan Rancangan Malaysia Ketiga dan Lapuran Ekonomi Negara kita. Ini adalah bertujuan untuk meninggikan taraf hidup (quality of life) rakyat negara kita. Jika semua rancangan dapat dilaksanakan dan diawasi dengan teliti (supervise closely), saya yakin dan percaya akan membawa faedah yang besar kepada rakyat dan juga kemakmuran kepada negara kita keseluruhannya. Semua projek ini akan memberi peluang pekerjaan kepada belia kita—the youths in particular. Di sini saya merayu supaya Kerajaan memberi pertimbangan kepada semua rakyat Malaysia termasuk kaum minority.

Selain daripada itu menerusi pelajaran dan kesihatan yang lebih baik di kawasan luar bandar (the rural health services) kita akan dapat melihat kemajuan yang lebih tinggi dari segi kecerdasan otak (intelligence) dan darjah kesihatan (standard of health) dan juga kelebihan pendapatan (earnings) tetapi ini akan mendatangkan keburukan sosial—it has also brought social evils—seperti salahguna dadah, arak, perompakan dan lain-lain perbuatan jenayah (other criminal acts). Oleh yang demikian, kita berkehendakkan pusat-pusat pemulihan (rehabilitation centres). A few days ago a centre for rape victims has also been suggested, dan hubungan baik antara guruguru dan ibu-bapa. Even the others like us too must be of service to society because

manusia sepatutnya berbuat jasa. Dunia kita telah menjadi very competitive, complex and selective in some ways, dan ini mendatangkan kesulitan dan conflicts. It has brought a lot of conflicts, and the attitudes of present-day youths too are changing as the saying goes:

“When small a child,
when grown up, a thorn”;
 (“Kecil-kecil anak,
sudah besar menjadi onak.”)

Bagaimana, Tuan Yang di-Pertua, seseorang boleh menghadapi keadaan ini bergantung kepada moods, morals and manners. Sir, I have drawn the attention of the Honourable Members of this Dewan before on the importance of ethics, morals and religion. Hari ini saya menyokong penuh akan seruan, the call of our Minister of Education. Yang Amat Berhormat Dr Mahathir bin Mohamad, that greater emphasis should be placed on civics, moral and religious teachings in schools. Beliau yang menurut jalan yang salah, these misguided youths are a menace to the society. Drug abuse has become a growing concern and soon may reach epidemic proportions. The Government is taking various measures. Here I would like to make a special mention about the part that is being played by our Chief Police Officer, Kuala Lumpur, Datuk Mansor bin Mohd. Noor. Truly he is a practising policeman and we need more officers like him to control this contagious disease. It is hoped that they will help our youths in shaping the right attitude and correct approaches to life and life's problems. Sungguhpun kita tahu bukanlah senang hendak meluruskan ekor anjing. However, the Minister of Law and his Deputy are doing everything they possibly could through the modern sociological approach of understanding and practical solutions of the consequences and also bringing in stricter laws to reduce the drug supply to this country. Here I should like to make a special mention and our thanks to the Customs Department which is doing a wonderful job of late.

Kita semua sedar kekuatan negara bergantung kepada rakyat yang taat setia dan jujur (sincere) kepada negaranya. Di sini saya merayu supaya Kerajaan memberi peluang pelajaran tinggi kepada semua murid-murid yang berkebolehan tidak mengira (without considering) kaum dan ugama. Kerajaan hendaklah memberi sepenuh galakan dan juga bantuan wang jika dikehendaki kerana

dengan cara inilah mereka akan bersikap taat setia yang tidak berbelah bahagi (undivided loyalty) terhadap negara kita dan mereka akan berasa negara inilah sahaja negaranya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sukalah saya menyatakan perasaan sukacita apabila saya membaca surat khabar iaitu Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah mengambil langkah positive menubuhkan (to form) suatu Jawatankuasa Khas (a Special Committee) to look into the grouses and complaints of the specialist officers in the Medical Department. Ini saya percaya dalam menunaikan jaminan yang telah diberi dalam mesyuarat Senate yang lalu. Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kesihatan. Here I would also like to state how thankful we are to the Minister of Home Affairs, the Police and the Armed Forces for giving us all the protection in spite of the internal and external threats. Our foreign relations too are improving and we are thankful to the Minister of Foreign Affairs. These are all good signs, Sir.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh berbagai-bagai perkara. Here we have all been touching and some of them have touched on many aspects of the Budget Message. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak mengulangi lagi perkara yang sama—I do not wish to repeat.

Di sini saya hendak menyentuh mengenai dasar dan kehendak pelajaran di negara kita. Saya memberi pujian di atas langkah-langkah Kerajaan memberi peluang kepada semua rakyat mengambil bahagian dalam pembangunan negara terutama sekali apabila Bahasa Malaysia digunakan untuk meyakinkan ilmu pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya menyebutkan di sini iaitu keputusan peperiksaan Bahasa dalam bulan Jun yang lalu tidaklah begitu memuaskan. The frequency distribution of marks is positively skewed, that is to say, only a few seem to have obtained a Credit. The majority samada mendapat lulus sahaja atau gagal. In general, the reasons advanced by some famous educationists like Douglas M. McIntosh of Edinburgh are one of three:

- (i) a paper with no simple questions;
- (ii) the examination is made too difficult;
- (iii) the examination is a competitive one.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi boleh jadi ada lain-lain sebab juga, but in any case, this is not a competitive examination. This is only

to assess the facility of the use of the language. if that is so, then it defeats the purpose for which it was intended. Bagaimanakah untuk mengatasinya? Saya bukanlah seorang pendidik—I am not an educationist—tetapi saya rasa guru yang baik dan buku-buku yang sesuai boleh mengatasi perkara ini. Mengapa? Why? Honourable Members will agree with me that students, civil servants and professionals in service and people in my age group have come to realise that Bahasa Malaysia is the medium of instruction and is the official language of the country and are therefore fully motivated to learn it and use as I am attempting to do, for “Gunakanlah Bahasa Malaysia” has come to stay; it is no more a slogan. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya mendesak Kementerian Pelajaran memikirkan perkara ini. I hope they will give a thought to this.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam ini.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya meringkas ucapannya di dalam tempoh 15 minit sahaja kerana kekurangan masa. Dan juga saya merayu sila jangan ulang-ulang buah fikiran yang telah dikemukakan. Saya ingat-ucapan yang bermutu tidak harusnya menjadi panjang.

RANG UNDANG-UNDANG

PERBEKALAN 1977

5.41 ptg.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya berikrar kepada Yang Berhormat, saya tidak akan mengambil masa yang panjang dan tidak mengulang-ulang perkara yang telah dikemukakan dalam Dewan ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah telah mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan 1977, yang merupakan satu Belanjawan yang painless atau sederhana. Sungguhpun tahun 1977 adalah tahun pertama bagi Rancangan Malaysia Yang Ketiga, Belanjawan itu telah menunjukkan bahawa Kerajaan kita sangat menitik-beratkan kehidupan rakyat yang miskin yang pendapatan rendah supaya tidak memikul beban yang berat di dalam kehidupan sehari-hari.

Selepas mendengar hujjah-hujjah daripada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di Dewan ini pada 13 haribulan Disember yang lalu, saya yakin keadaan ekonomi negara ini akan terus kukuh dan mencapai kejayaan yang cemerlang. Keadaan ini akan lebih berkembang dan maju lagi pada tahun-tahun yang akan datang dengan adanya ikatan perjanjian antara Petronas dengan syarikat-syarikat minyak yang lain. Hasil daripada perjanjian ini negara kita akan menjadi satu negara yang mengeluarkan minyak dan gas asli yang mungkin akan bertambah lagi hasil eksport selain daripada getah, minyak kelapa sawit kayu-kayan dan bijih timah.

Dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga kita telah didengar dan saya percaya mengenai politik di dalam negeri adalah stabil sebagaimana yang kita telah dapat keyakinan daripada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn baru-baru ini. Dengan adanya kedudukan ekonomi kita yang kukuh yang stabil politiknya dan keselamatan terhadap ancaman komunis yang terkawal, saya percaya bahawa kita akan dapat mempengaruhi dan mendapat juga penanaman modal atau investment yang luas daripada negara-negara asing. Tetapi saya telah dapat dan mendengar juga ada antara rakyat-rakyat kita yang pergi ke luar negeri yang telah memberi penerangan dengan maksud yang tertentu apa yang disuarakan oleh saudara saya Yang Berhormat Senator Datuk Nik

Hassan tadi, ialah memberi penerangan-penerangan kepada pelabur-pelabur modal yang ingin menanam modal di negara kita, maka saya harap kepada Kerajaan kepada orang yang macam ini, warganegara kita yang membuat khianat atas negaranya sendiri mestilah diambil tindakan yang keras supaya ini tidak merebak lagi. Ada juga disebutkan pagi ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan tadi berkenaan dengan Majallah asing yang diterbitkan daripada Hongkong yang dinamakan *Far Eastern Economic Review* telah banyak menyentuh aspek spekulasi yang akan menimbulkan rasa bimbang, rasa curiga kepada negara-negara lain dan juga kepada rakyat di dalam negeri ini dan setengah-setengahnya saya dapati bahawa ada juga Kerajaan kita mengambil Majallah ini sebagai authority untuk bertindak. Jadi, saya hairan sebab orang yang menulis rencana ini adalah seorang rakyat negara kita ini dan ia makan upah untuk menulis rencana-rencana ini kononnya dia hendak mencari duit, hendak himpun duit, dia hendak masuk ke Universiti Malaya. Jadi orang-orang yang macam ini kita terang-terang tahu maksudnya, mengapa Kerajaan kita tidak mengharamkan mengikut lunas undang-undang yang ada dalam negeri ini. Saya berharap Kementerian yang berkenaan supaya jangan membiarkan perkara ini berlarut-larutan. Kalau tidak tentulah rakyat mengatakan adalah sememang dibiarkan oleh Menteri-menteri yang berkenaan.

Berkenaan dengan cukai, saya suka juga menyentuh sedikit walaupun banyak Ahli-ahli Yang Berhormat di sini telah menyentuh berkenaan dengan cukai eksais di atas alat-alat letrik yang sudah menjadi alat keperluan di dalam cara hidup sehari-hari. Misalnya yang kena cukai ialah alat peti talivisyen, dapur letrik, peti ais dan juga barang letrik yang lain. Kita percaya Kerajaan hari ini telah berjanji kepada rakyat di luar bandar iaitu akan mengekalkan letrik kepada luar bandar mengikut Rancangan Malaysia Kedua dan disambung oleh Rancangan Malaysia Ketiga. Jadi dengan adanya letrik ini tentulah kehidupan di luar bandar berubah, maka sudah tentulah orang yang boleh sedikit sebanyak hendak beli talivisyen iaitu satu alat yang berguna kepada Kerajaan iaitu alat memberi media communication. Jadi dengan itu perkara yang dicukai ini patutlah Kerajaan menimbangkan semula di atas cukai ini.

Lagi satu, saya dapat maklumat-maklumat mengenai Pengurus Besar Keretapi Tanah

Melayu. Kita tahu Pengurus Besar baharu telah mengambil alih daripada Pengurus Besar yang lama, dan kita dapati kenyataan-kenyataan berkenaan dengan Keretapi Tanah Melayu telah berubah, sistem dan juga organisasinya dan juga telah mendapat untung, yang saya belum dengar lagi selama saya jadi Wakil Rakyat dahulu, baru ini tahun 1976 ada kenyataan iaitu untung telah dapati oleh Keretapi Tanah Melayu. Saya telah dengar juga Pengurus Besar ini berusaha dan bertenaga untuk membaiki keadaan keretapi kita tetapi akan ditukarkan kepada Kementerian lain. Saya merayu kepada Kerajaan, jikalau benar rumours atau speculation ini, maka adalah diharapkan supaya dikekalkan Pengurus Besar, Datuk Ishak Tadin berkhidmat di dalam Keretapi Tanah Melayu ini supaya cita-cita dan rancangan-rancangannya dapat dijayakan olehnya.

Sekarang saya hendak menyentuh sedikit mengenai masalah pencetak-pencetak Malaysia. Kerajaan mempunyai dasar yang menyokong pertumbuhan perusahaan tempatan dan sekiranya terdapat perusahaan tempatan yang mengalami ancaman teruk, campur tangan Kerajaan adalah perlu. Salah satu perusahaan yang mengalami masalah ini adalah perusahaan percetakan. Pada asasnya pencetak-pencetak tempatan adalah cukup dan berkecekapan. Mereka telah melaburkan berjuta-juta ringgit di dalam membeli jentera-jentera dan peralatan-peralatan dan mencapai pengalaman serta kemahiran yang diperlukan semenjak beberapa tahun. Mutu pengeluaran pencetak-pencetak tempatan ini adalah setanding dan setengah-setengahnya lebih tinggi berbanding dengan pengeluaran-pengeluaran luar negeri. Harganya juga adalah berpatutan. Tambahan pula sekarang telah ada lebih daripada 500 buah percetakan kecil dan besar termasuk bumiputra juga di negara ini jikalau berbandingkan cuma 250 buah sahaja pada tahun 1960. Lebih daripada 12,000 orang mendapat pekerjaan di dalam perusahaan percetakan di seluruh Malaysia. Maka sudah kena pada masanya sekarang bagi Kerajaan memberi perlindungan sepenuhnya kepada perusahaan percetakan semata-mata kerana perusahaan inilah yang menunjukkan di manauduknya telur dan ayam. Kerana menjangkakan peluang-peluang perniagaan berkenaan dengan skim pinjaman buku-buku teks Kerajaan. Setengah daripada pencetak-pencetak itu telah melaburkan lebih banyak jentera-jentera yang paling moden yang berharga beribu-ribu juta

ringgit untuk mendapat sebahagian daripada kerja-kerja yang ditangguhkan. Tetapi malangnya, apa yang kita dapati sekarang ini, apa yang dikemukakan oleh Senator Kamarul Ariffin tadi banyak Syarikat-syarikat di luar negeri telah membuka Cawangan-cawangannya di Kuala Lumpur dan di tempat-tempat lain, semata-mata untuk mendapat tender daripada Kerajaan dan tendernya lebih murah daripada yang ada kepada pencetak-pencetak di dalam negeri ini. Bila didapati murah, Kerajaan berikan kepada syarikat-syarikat ini, tetapi kerjanya dibawa ke Singapura atau ke Hong Kong. Ada juga syarikat-syarikat kecil yang mendapat tender yang besar, dan 10% sahaja yang dicetak di sini manakala 90% dihantar ke Singapura dan ke Hong Kong. Saya akan sebut di sini mengenai tender berhubung dengan Telephone Directory sampai sekarang belum lagi dikeluarkan oleh percetakan tempatan hari ini, sebab capacity dan alat machinenya tidak ada. Jadi mengapa Kerajaan memberi tender kepada syarikat ini? Saya berharap Menteri Perhubungan akan menjawabnya.

Saya percaya dan kami percaya iaitu buku-buku yang dicetak di Hong Kong dan di Singapura adalah murah harganya, tetapi di Hong Kong dan Singapura itu adalah bebas dari cukai segala alat-alat dan juga segala kertas-kertasnya. Jadi itulah sebabnya saya katakan tadi di sinilah kita akan menentukan di mana telur dan di mana ayam.

Saya berharap kepada pihak Kerajaan supaya barang-barang yang kita boleh cetak di sini, misalnya calendar dan juga buku harian (diary) dan kad-kad, mengapa pihak Kerajaan tidak menaikkan tariffnya dengan setinggi-tingginya supaya mereka itu tidak dapat datang ke sini. Dan kalau kita naikkan tariff, bukan sahaja hasilnya didapati oleh Kerajaan bahkan ini akan menolong kepada percetakan-percetakan yang saya sebutkan tadi sebanyak 500 buah di dalam negeri ini. Pihak Persatuan Pencetak-pencetak Malaysia telah mengemukakan satu memorandam merayu kepada pihak Kerajaan pada 4hb April, 1975 tetapi sehingga hari ini tidak ada jawapan dan tidak ada banyak usaha untuk dilakukan bagaimana memorandam yang constructive dikemukakan untuk menolong kepada pengusaha-pengusaha industri kita yang ada di tanahair kita sendiri yang mempunyai banyak pekerja-pekerja yang mahir (skilled workers). Sekarang kita dapat dengan tidak ada tindakan daripada Kerajaan apa-

kah yang telah terjadi? Banyak pencetakan-pencetakan yang besar di dalam negara kita sudah ditutup satu demi satu. Adakah kita mahu perkara ini berlanjutan begitu atau kita suka melihat negeri orang jangan lapar kita bantu sedangkan negeri kita dibiarkan kelaparan. Inilah tujuan Kerajaan iaitu perusahaan yang besar semacam ini tidak ada satu perlindungan daripada Kerajaan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjawab masalah ini.

Sekarang saya bercakap berkenaan dengan penerbitan suratkhbar. Adalah didapati penerbitan suratkhbar ini ada yang untung dan ada yang tidak untung, ada yang bertahun-tahun tidak mengeluarkan hasil kekeuntungannya. Sebabnya pada masa sekarang ini semua bahan-bahan yang datang daripada luar negeri termasuk newsprint, kertas suratkhbar datangnya dari luar dan juga alat filem. Newsprint yang datang daripada Commonwealth sahaja dikecualikan cukai seperti Canada dan baru-baru ini New Zealand, tetapi dari negeri mereka telah mengenakan harga yang mahal dan jika mengikut tafsiran hari ini ialah US\$400 satu metric ton. Jikalau seperti suratkhbar Utusan Melayu menggunakan lebih kurang 15 tan kertas satu hari, berapa harganya kalau US\$400 satu tan? Tetapi newsprint yang datang daripada Jepun yang mengeluarkan banyak kertas hari ini seperti China, Korea Selatan, Finland, West Germany dan juga Africa yang bukan dalam Commonwealth kena cukai 10%.

Di sini saya menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, iaitu pada tahun 1973-1974 negeri yang kita jangka dan yang kita akan mengambil kertas yang supply ialah daripada Canada atau New Zealand tidak dapat membekalkan satu tan pun. Jadi inilah krisis di dalam negara kita iaitu kekurangan kertas dan terpaksa penerbit-penerbit suratkhbar ini membeli dengan cara black market US\$600 satu tan, baik suratkhbar Utusan Melayu, New Straits Times dan suratkhbar yang lain. Hasil yang didapati daripada kertas yang diimpot dan diperolehi oleh Treasury adalah sedikit sangat, mengapa tidak boleh dikecualikan, kerana kita belum ada kilang kertas lagi. Jikalau ada ura-ura hendak membuka kilang barangkali 10 tahun lagi kita boleh dapat. Kenapakah kita hendak memberi keutamaan kepada Commonwealth? Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan walaupun kertas itu

datang daripada China, Jepun, Korea Selatan, Finland hendaklah dikecualikan cukai (exempted) ini seperti juga yang datang daripada Commonwealth. Surtax hendaklah dimansuhkan sebab pada hari ini harga surat-khabar kita adalah yang semurah-murahnya iaitu satu naskhah hanya 25 sen. Tetapi jikalau kita pergi ke Bangkok harganya dua kali mahal daripada duit kita dan jikalau kita pergi ke Hong Kong tempat pelabuhan yang mengeluarkan kertas pada satu surat-khabar tabloid size ialah \$1.00 (Hongkong dollar). Jikalau mengikut wang kita hari ini ialah 50 sen wang Malaysia. Sekiranya perkara ini Kerajaan tidak mengambil perhatian banyak surat-khabar akan mengalami kerugian dan itulah sebabnya tidak ada orang yang suka mengeluarkan surat-khabar di Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk telah mengambil masa selama 30 minit.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Ya. Tetapi sahabat saya yang dahulu daripada saya telah mengambil masa selama 2 jam. Saya sungguhpun baru tetapi sudah lama jadi Ahli Parlimen. Jadi, saya sudah berjanji kepada Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak berhujah tetapi saya hendak bertanya sahaja sebagai soalan. Apa yang saya berasa muskil setakat ini iaitu berkenaan dengan Universiti Malaya kita. Saya dapat tahu dalam Fakulti Perubatan, Universiti Malaya, ada seorang professor yang sakit teruk telah diberi cuti doktor selama dua tahun dengan gaji yang penuh. Tetapi selepas dua tahun, barulah Majlis Universiti mengambil keputusan untuk memberhentikan atas alasan sakit seperti mana yang kita sebut dalam bahasa Inggaris "medically boarded out."

Saya suka bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada Menteri Pelajaran atau Menteri Kesihatan, saya tidak tahu kedudukan universiti ini:

- (a) Adakah patut bagi doktor diberi cuti selama dua tahun dengan mendapat gaji penuh.
- (b) Apakah tindakan yang patut diambil oleh Majlis Universiti terhadap doktor yang saya sebutkan tadi yang bercuti sakit selama dua tahun. Bolehkah beliau mendapat gaji penuh sebelum diberhentikan atau dibersarakan atas alasan sakit. (medically boarded out).

Satu lagi perkara yang merunsingkan orang ramai dipercakapkan di luar universiti dan di dalam universiti ialah atas tuduhan bahawa seorang doktor Fakulti Perubatan telah bersikap kurang ajar terhadap kakitangan-kakitangan rendah di Fakulti Perubatan. Saya ingin mendapat penjelasan samada Majlis Universiti telah menyiasat atas tuduhan ini. Jikalau benar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Majlis Universiti terhadap profesor tersebut.

6.14 ptg.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, serta sidang yang mulia, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya bercakap walaupun hari sudah hampir maghrib.

Tuan Yang di-Pertua, saya sesungguhnya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 ini dan menganggap bahawa Rang Undang-undang Perbekalan ini telah dibuat dengan begitu teliti dan bijaksana oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita. Saya berikan serangkap kepadanya pantun yang berbunyi demikian

Lagi berubah lagi berduri,
Itu bernama si azam paya,

Lagi bijaksana lagi berbudi,
Itulah dia Tengku Tan Sri Razaleigh
orang yang kaya

(Kaya dari budi dan kaya dari pengalaman)

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan ini tidaklah dapat saya menyentuh daripada aspek yang luas kerana pengetahuan dan pandangan saya tidak begitu jauh untuk membincangkan segala aspek yang tinggi-tinggi dan mendalam. Akan tetapi setelah saya tatap Rang Undang-undang ini saya cubalah menyentuh atau memasuki mana-mana lorong yang saya boleh masuk.

Pertama sekali, saya ingin mengatakan berkenaan dengan cukai. Bila bercakap fasal cukai ini saya sungguh-sungguh mengucapkan banyak-banyak tahniah kepada Menteri Kewangan kerana telah melepaskan cukai kepada orang yang sudah pencen, kerana orang pencen ini itulah sara hidupnya yang mana dia menunggu penutupan kira-kira hidupnya. Tetapi jikalau orang-orang yang pencen itu oleh sebab kedudukannya dan kebolehannya menjadi director itu dan ini, maka kalau dicukai pun eloklah.

Apabila bercakap berkenaan dengan cukai ini, saya nampak satu perkara iaitu cukai yang dikenakan kepada Syarikat-syarikat kerjasama (Co-operative societies). Undang-undang mengenai cukai kepada Cooperative society ini elok, tetapi jikalau masuk wang modal dan juga wang yuran, ada simpanan tetap, kalau dikira wang modal, saya rasa tidak berapa tepat sebab di dalam Rang Undang-undang Syarikat Kerjasama fund itu tidak boleh dituntut oleh ahli dan yuran itu dikira hangus kerana urusan syarikat.

Selain daripada itu berkenaan dengan syarikat-syarikat yang menjalankan hal-hal kredit kepada ahli-ahlinya yang tidak berniaga di luar iaitu tidak ada anak syarikat. Katakanlah syarikat guru-guru setengah-setengahnya hanya berniaga dengan ahli-ahlinya sahaja tetapi jikalau kita cukai saya fikir kurang adil. Jadi ini bolehlah difikirkan. Apabila bercakap berkenaan dengan syarikat kerjasama ini mengikut sebagaimana kata Menteri Kewangan bahawa negara kita ini mempunyai dasar ekonomi bebas (free enterprise). Kalau syarikat kerjasama ini hendak hidup dalam negara free enterprise ini susah sedikit seperti ular kecil hidup di dalam kawasan ular besar. Oleh itu, terpaksa kita kawal ataupun kita buat cara-cara untuk menahan ular besar ini jangan menelan selalu ular kecil ini. Jadi, saya mencari amfang-ampangnya. Salah satu daripadanya ialah Maktab Kerjasama hendaklah dibesarkan lagi, kemudian dilatih orang-orang ini dan kawasan yang kecil itu ditukar ke tempat lain kemudian diberi kemudahan-kemudahan yang cukup supaya sebenar-benarnya menjadi satu institusi yang boleh melatih dan memberi pelajaran berkenaan dengan syarikat kerjasama supaya syarikat kerjasama itu boleh hidup dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Pelajaran kerana Kementerian Pelajaran dapat peruntukan suku daripada Budget, 1977. Ada satu perkara yang saya hendak sentuh iaitu mengenai melatih guru-guru untuk melicinkan pelajaran Bahasa Malaysia supaya dapat mengajar di sekolah-sekolah dengan baik.

Sepanjang yang saya tahu dan saya perhatikan dalam masa cuti guru-guru bukan Melayu ini dihantar ke pusat-pusat latihan, apabila habis kursus dia tak berapa sanggup mengajar dalam bahasa Malaysia, tetapi

sudah menerima surat mengatakan guru ini telah lulus dalam kursus itu. Bila masa cuti hantar lagi berkursus, tetapi tak sanggup mengajar jadi wang Kerajaan habis, ayam sudah berapa ribu ekor disembelih dalam kursus itu, tetapi hasilnya tidak juga dapat. Saya fikir dan saya merayulah kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya mengkaji balik dan perhatikan betul-betul supaya bila guru-guru ini balik boleh mengajar dengan baik di dalam Bahasa Malaysia dan boleh ditukar ke sekolah-sekolah kebangsaan supaya cita-cita, tujuan dan juga matlamat dasar pelajaran kita dapat tercapai.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini ada beratus-ratus buah sekolah akan didirikan, sekolah menengah, sekolah rendah dan sebagainya. Apa yang saya hendak menyatakan di sini, apabila mendirikan sekolah menengah ini kawasannya luas, ada yang 12 ekar, ada yang 13 ekar dan sebagainya. Saya tidak hendak menyentuh hal pelajaran, masaalah makmal begitu-begini, ini semua orang tahu memang perkara baharu ini kurang. Tetapi ada satu perkara yang boleh dibuat di kawasan-kawasan ini iaitu ditanam dengan pokok-pokok supaya jangan macam padang banglas, kata orang Melayu padang jarak, padang terkukur, tiba-tiba tersergam sahaja bangunan. Jadi, panas murid-murid itu dan timbullah pula macam masalah. Jadi, saya fikir masaalah tuang sekolah ini baharu-baharu ini heboh lagi ponting sekolah, salah satu daripada sebabnya inilah, rasa saya, bila dia datang ke sekolah itu macam jel rupanya, jadi tidak menarik. Kalau ada tempat dia bermain di bawah pokok yang indah, misalnya, kita tanamkan pula pokok buah-buahan sedikit yang mana saya teringat pokok jambu batu semasa saya sekolah dahulu, di kawasan sekolah saya itu ditanam dengan pokok rambutan, teringat saya macam Maktab di Tanjung Malim ada kebun buah-buahan; jadi adalah tarikan dan seronok selain daripada guru-guru yang baik. Tetapi kalau guru-guru cuma hendak datang lambat kemudian hendak balik cepat pun salah satu sebab yang boleh menjadikan murid-murid tak mahu datang sekolah—ponting sekolah.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini ada rancangan Kementerian Pelajaran hendak membesarkan kolej-kolej. Salah satu daripada kolej yang hendak dibesarkan itu ialah Kolej Tanjung Malim. Apa yang saya tahu Kolej Tanjung Malim ini ialah satu Kolej yang

didirikan dalam tahun dua puluhan, kononnya bangunan yang cantik sekali di Malaysia dalam masa tahun dua puluhan. Jadi, apa yang saya dengar, adakah benar atau tidak, ini saya minta penerangan daripada Kementerian Pelajaran kononnya hendak dibesarkan kolej itu dan hendak dirobuhkan semua bangunan itu. Ini saya fikir satu pengkhianatan sejarah. Jadi, diharapkan walaupun hendak dirobuhkan bangunan-bangunan yang lain daripada asrama dan dormitory itu tak apa, tetapi saya fikir bangunan yang tengah-tengah itu patutlah ditinggalkan untuk dijadikan sebagai kenang-kenangan iaitu satu institusi yang telah mengubah cara hidup dan fikiran orang-orang Malaysia, terutama kepada orang-orang Melayu. Itu saya harap.

Berkenaan persatuan Peladang, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyentuh sedikit mengenai subsidi ataupun geran yang diberi kepada persatuan peladang. Mengikut khabar yang setengah muwatir—bukan muwatir—pihak Perbendaharaan hendak menolong hanya 30% sahaja tiap-tiap satu persatuan peladang yang hendak membeli sebuah trekter. Ini saya fikir tidak berapa patut kerana persatuan-persatuan peladang ini baharu didirikan. Misalnya, satu-satu kawasan itu ahli-ahlinya lebih kurang 6,000 atau 700 atau 1,000 orang, kalau 1,000 orang \$5 seorang sahamnya baharu dapat \$5,000 sedangkan sebuah trekter \$40,000, kalau 30% diberikan, yang lain itu, bagaimana? Saya sendiri sudah buat satu kertas kerja kerana saya salah seorang daripada pengerusi koperatif peladang di satu kawasan, saya dapati tidak boleh bayar, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, bagaimana kita hendak menolong peladang. Dalam Rancangan Malaysia Pertama kononnya tidak sampai kepada rakyat. Rancangan Kedua pun kurang sampai, yang Ketiga beri 30% kepada persatuan peladang mana hendak sampai. Jadi, saya merayu kepada Perbendaharaan memikirkan hal ini, yang pertama saya minta diberikan terus dua, tiga buah trekter dalam satu kawasan yang ditadbirkan oleh persatuan peladang. Kali yang kedua barangkali subsidi 50% yang 50% lagi dibayar oleh persatuan peladang, lepas itu lepaskan sahaja tidak usah diberikan lagi, mereka sanggup untuk membeli trekter. Sebab trekter ini dikuatkan, kerana kerbau-kerbau sudah tidak ada lagi. Orang kampung jual kerbaunya kerana mendengar saranan Kerajaan supaya rakyat hidup dalam zaman moden, dalam sains dan teknologi, mesti pakai jentera, dia akur tetapi bila sampai hendak menolong sudah tidak mahu

pula. Ini masaalahnya, Tuan Yang di-Pertua, maka patutlah ditimbang dengan sedalam-dalamnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kepada Perbendaharaan saya teringat apa kata "Kalilah wadimnah" satu hikayat tua orang Hindu, kata dia: berbudi kepada orang yang kita belum tentu buruk dan baiknya, bermakna kita akan menceburkan diri ke dalam bumi berbahaya. Tetapi jika berbuat baik kepada orang yang tidak berbudi bermakna kita sendiri menceburkan diri ke dalam bumi berbahaya, tetapi kalau berbudi kepada orang yang susah lambat-laun dapat faedah. Jadi, sekarang Perbendaharaan ini kalau berbudi kepada orang susah—orang kampung yang dapat \$80 itu, lambat-laun dapat faedahnya. Jadi, Perbendaharaan pun dapat faedah, cukai boleh masuk lagi dan rakyat pun dapat faedah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya dapat tahu bahawa di Gunung Ledang akan didirikan satellite station, yang kita tahu bahawa Gunung Ledang ini ialah sebuah gunung yang tercerai daripada banjaran gunung tulang belakang Tanah Melayu. Jadi fauna dan flora iaitu tumbuhan-tumbuhan dan bunga-bungaannya yang asli berlainan daripada barangkali yang ada di banjaran tulang belakang Semenanjung. Jadi dengan sebab didirikan satellite station di situ diharap hendaklah dijaga supaya fauna dan flora atau tumbuhan-tumbuhan asli ini jangan dirosakkan kerana ini satu pemberian Tuhan yang mana kita patut pelihara untuk pengetahuan, siasatan dan kajian orang-orang kita masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan gaji Ibrahim Ali. Gaji Ibrahim Ali ini sudah disebut tetapi bagi saya, saya fikir hendaklah difikirkan sedalam-dalamnya kerana apabila kenaikan gaji diadakan, saya perhatikan sudah beberapa kali gaji dinaikkan, saya pun merasa kenaikan gaji daripada \$15 jadi guru pelatih sampai gaji tinggi, bila naik gaji, barang naik harga; naik gaji lagi barang naik harga. Tetapi gaji Ibrahim Ali ini saya perhatikan yang banyak naik gaji ialah orang atas-atas. Orang yang bawah, penengahan ini naik juga tetapi sedikit. Jadi apa akan berlaku nanti? Barang-barang akan naik. Orang yang gaji besar ini tidak susah harga barang naik, kelapa sebiji 80 sen pun dia boleh beli, tetapi bagi orang-orang kampung, ini yang sedih. 75% daripada orang kampung kita ini pendapatannya antara \$120—\$180, jadi macam

mana mereka hendak hidup. Ini masaalah besar. Perkara ini, saya fikir patut ditimbangkan. Di Australia, Kerajaan telah menaikkan gaji pekerja-pekerjanya cuma 2% tetapi matawang dollar jatuh 17.5%. Ini mungkin oleh sebab yang lain, tetapi apa yang kita perhatikan ialah kenaikan gaji pekerja hanya 2%. Saya rasa, ahli-ahli ekonomi lebih pandai daripada saya, tetapi ini saya menampak apa yang nampak. Matawangnya jatuh 17.5% pada hal Australian dollar yang paling teguh, samada benar atau tidak, ini apa yang saya tahu tetapi jikalau kita laksanakan gaji Ibrahim Ali ini, kita akan membelanjakan wang sebanyak \$500 juta ke \$600 juta. Ini barangkali akan menjejaskan matawang kita ataupun ekonomi kita. Jadi supaya jangan kecil hati pegawai-pegawai kita yang hendak naik gaji tinggi ini, kita beri mereka kemudahan-kemudahan yang khas—privilege leave. Bila sampai cukup tiga tahun atau sepuluh tahun dia bekerja, beri dia peluang makan angin dan beri dia sewa rumah yang tinggi; sediakan motokar yang special misalnya, tetapi gaji tidak naik. Jadi kalau kita beri macam itu, dia ada incentive, ada peluang dia pun tidak gaduh hendak naik gaji lagi. Hendak Mercedes 280—ada, hendak makan angin ke Australia atau hendak pergi ke Timbuktu—boleh; ke Holland—boleh, hendak ke Jepun—ayuh! Jadi senanglah, tidak payah minta gaji lagi. Dengan sebab itu semua selamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyetuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya bukan mengkritik tetapi saya kasihan, di sana ada satu bahagian, iaitu Balai Seni Lukis Negara. Balai Seni Lukis Negara ini, saya tengok dalam budget itu diberi token \$10 sahaja, pada hal Balai Seni Lukis Negara ini, dahulu memang betul hanya mengadakan pameran, dari pameran ke pameran tetapi sekarang fungsi Balai Seni Lukis Negara itu sudah diluaskan lagi. Kita selalu berbicara di sini orang-orang Malaysia ini sudah mula lari kepada kebendaan, lari mengejar pendapatan. Jadi dari segi rohaniah sudah kurang. Ini selalu diperkatakan dan Yang Berhormat Datuk Nik Hassan baru cerita semalam pencuri banyak di Port Klang, kemudian rasuah sudah menjadi cara hidup orang-orang Malaysia. Ini semua kerana apa? Manusia mengejar kebendaan. Problem ini mesti berlaku, sebab dahulu kita tidak nampak rumah yang 18 tingkat atau 21 tingkat di Kuala Lumpur. Kita tidak pernah melihat

kereta Pontiac yang menjalar di dalam bandar Kuala Lumpur, kalau adapun hanya kereta Austin, itu yang boleh masuk di Malaysia tetapi sekarang ini semua sudah datang. Jadi mata itu sudah berpinar, sudah tidak nampak lagi yang mana benar dan yang mana salah, yang mana rohani dan yang mana jasmani, tetapi kata orang Melayu apa yang nampak. Jadi untuk mengatasi masaalah ini, haruslah Kerajaan dan juga haruslah kita memikirkan di sini bagaimana mahu mengembalikan balik perasaan rohaniah ini kepada rakyat kita. Jangan sampai kita kesesatan jalan seperti orang di Amerika atau orang di Eropah tidak mengenal siapa bapa, siapa anak. Kerana apa? Kerana wang. Jadi sementara kita belum sesat sangat ini, belum terlangsung, kalau hendak reverse nanti payah, Balai Seni Lukis Negara ini salah satu daripada institusi yang boleh menolong menyelesaikan masaalah ini. Saya pernah berkata dan kata Leonardo: Mata itu tingkap hati (the eyes are the window of the heart). Pantun orang Melayu kata: Dari mana datangnya sayang, dari mata turun ke hati. Jadi, mata manusia Malaysia ini, mahu dididik semula supaya dia mengenal rasa-rasa rohaniah, mengenal keindahan ini. Kalau sudah indah jiwanya, maka yang lain ini tidak indah lagi. Orang mencari kepuasan melalui kebendaan tetapi ini saya mengira kepuasan yang sementara tetapi ada kepuasan yang kita boleh dapat permanent. Ini salah satu jalan untuk mencari kepuasan yang permanent. Jadi diharap bolehlah ditimbangkan balik Balai Seni Lukis Negara ini supaya ditambah peruntukannya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan harga barang-barang. Harga barang-barang ini selalu disungutkan oleh orang ramai makin hari semakin naik. Dahulu memang ada saya dapati iaitu Majlis Pengguna Negara kononnya Majlis inilah yang memerhatikan atau yang mengekor-ekor atau memata-matai harga-harga barang di negara kita ini, tetapi saya tidak tahu samada Majlis Pengguna Negara ini masih berjalan atau tidak-saya tidak tahu. Oleh sebab itu kalau Majlis itu tidak berjalan, apakah salahnya kita ubah sedikit, hendak jaga sedikit, hendak buat empang sedikit. Saya mengesyorkan satu jawatankuasa apa yang boleh dipanggil di sini Jawatankuasa Prices Justification Tribunal dengan dipengerusikan oleh orang yang berpengaruh, orang yang atas kedudukannya. Umpamanya, seorang Hakim dan badan-badan Kerajaan, selain daripada

itu Dewan-dewan Perniagaan dan orang-orang awam supaya jangan sampai bila sudah tidak terlewat lagi nanti, hendak mengawal balik payah, sebab macam anak-anak kita, kalau tidak dididik, tidak dikawal dari kecil lagi, bila sudah besar kelak, hendak dibalikkan susah, tetapi kalau dia balik pun teruk pula. Macam orang yang sudah berumur 18 tahun, baru 20 tahun umurnya hendak berdakwah. Bila dakwah umur sudah 20 tahun, sudah teruk—itu haram, ini haram; itu tidak boleh, ini tidak boleh, makan itupun tidak boleh—sudah teruk. Jadi harga barang inipun macam itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya sudah memakan masa lebih sedikit, saya minta maaf dan sebagai penutupnya, sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang Belanjawan Persekutuan tahun 1977.

6.40 ptg.

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana saya diberi peluang untuk berucap pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong penuh atas belanjawan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh sebagai Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawannya dua tiga hari yang lepas.

Peruntukan sebanyak \$400 juta yang hendak dibuat untuk perumahan itu, maka saya menyokong juga tetapi sekiranya Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan sekurang-kurangnya rumah yang dibuat itu berharga \$20,000 maka ini tinggi harganya. Kalau \$20,000 itu bermakna \$100 lebih juga pembayarannya tiap-tiap bulan atau lebih daripada itu. Saya rasa kalau boleh pihak Kerajaan dan pihak yang berkenaan mengurangkan seberapa yang boleh harga rumah itu, kerana kalau orang yang berpendapatan \$500 ke bawah sakit hendak membeli rumah dengan pembayaran yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai pembahagian rumah ini kelak. Saya berharap kepada pihak yang berkenaan hendaklah memberikan kepada yang patut dapat, kerana selalunya yang bergaji lebih yang mendapat dan yang patut dapat, kerana ia tidak mencukupi kalau hendak membeli rumah yang mahal. Ini patutlah dipertimbangkan oleh pihak yang berkenaan.

Di sini saya mengucapkan tahniah di atas objektif Kerajaan yang konkrit sebagaimana yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Di sebalik saya berdoa kepada Allah supaya diberi kejayaan akan tiap-tiap rancangan yang terkandung di dalamnya. Saya suka menyentuh perkara yang difikirkan praktikal dan yang patut didengar oleh pihak Kerajaan, satu-satu rancangan yang besar yang dihadapi oleh Kerajaan pada masa ini ialah pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga sebagaimana yang selalu diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri dan Timbalannya. Dedikasi dan semangat untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga ini hendaklah ada bukan sahaja dari pihak Kerajaan, bahkan dari pihak rakyat keseluruhannya.

Selain dari itu kakitangan Kerajaan adalah teras kejayaan, kerana dengan tidak adanya sokongan dan tanggungjawab yang jujur dan ikhlas dari pegawai-pegawai Kerajaan maka saya kurang yakin kejayaan boleh tercapai. Di sini saya minta kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan supaya berkhidmat dengan tulus ikhlas, jujur dan berdedikasi kerana di tangan merekalah kejayaan hidup rakyat dan negara dapat diusahakan. Dari itu, saya fikir cara pemikiran pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah selalu dipupuk dengan semangat cintakan bangsa dan tanahair. Falsafah hidup hendaklah dipersesuaian supaya jangan terlalu sangat bersifat kebendaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai INTAN. Tadbir Kerajaan patutlah mengambil satu initiative untuk membetulkan pemikiran pegawai-pegawai Kerajaan supaya kembali semangat pegawai-pegawai Kerajaan 20 tahun dahulu, kerana hanya dengan pemikiran yang total untuk rakyat dan negara sahajalah maka kejayaan pelaksanaan di dalam Rancangan-rancangan Malaysia Ketiga ini boleh dijayakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya ingin menyentuh berkenaan dengan kecakapan agensi-agensi Kerajaan. Sekarang saya hendak menyentuh sedikit mengenai agensi-agensi Kerajaan. Adakah Kerajaan betul-betul telah mengawasi segala perjalanan dan kecakapan, umpamanya FELDA. 35,000 keluarga peneroka, 3,500 atau lebih kakitangan Kerajaan yang akan dibayar gaji sebanyak \$2½ juta dalam FELDA ini. Jadi, tiap-tiap seorang kakitangan Kerajaan menjaga lebihkurang 8 orang peneroka sahaja. Belanja

menjaga pada tiap-tiap seorang peneroka lebih kurang \$80-\$100. Ini adalah sangat tinggi. Lebih-lebih lagi jika gaji Suruhanjaya Ibrahim Ali akan dilaksanakan. Perbelanjaan ini sudah tentu meningkat naik dan harus barangkali meningkat hingga angka \$150. Dengan yang demikian saya berharap supaya Kerajaan membuat satu kajian semula di atas perkara ini, adakah pendapatan yang diterima hasil daripada tiap-tiap peneroka itu boleh menampung gaji pegawai-pegawai dan kaki-tangan FELDA ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kali yang pertama bagi saya berucap saya pun orang baru, jadi setakat inilah sahaja yang saya dapat memberikan ucapan saya. (*Tepuk*)

6.46 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya ikut sama menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh hari Isnin kelmarin dan saya ucapkan syabas dan tahniah kepada beliau kerana telah berjaya mengemukakan satu belanjawan yang pada amnya dapat diterima oleh semua golongan masyarakat dalam negeri ini. Walaupun beliau baru menjadidi Menteri Kabinet, dengan keadaannya yang baru itu, saya percaya beliau akan lebih bersungguh-sungguh dan mengambil berat bukan sahaja dalam pengurusan dan perancangan, bahkan saya percaya beliau akan lebih bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan mengawasi segala tindak-tanduk pegawai-pegawai yang menjalankan tugas masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, suatu rangka belanjawan yang baik dan banyak angkanya, belum tentu akan mendatangkan hasil yang baik, kalau dalam pelaksanaannya tidak diawasi dan dijalankan dengan sebaik-baiknya. Saya bersetuju dengan ucapan Yang Berhormat Mulia itu yang menyebut perbelanjaan yang besar sahaja adalah tidak memberi makna jika ia tidak memberi faedah yang sebenar kepada rakyat. Bagaimana dapat memberi faedah yang sebenar kepada rakyat, kalau perbelanjaannya tidak dilaksanakan dengan betul berpunca dari tiada kawalan dan pengawasan yang betul-betul. Sebagai contoh jentera rancangan pembinaan jentera pengepam air di Kemubu ataupun di Rancangan Pengairan Kemubu yang sekarang ini telah mengalami kerosakan yang mana pada mulanya dipasang 5 yunit jentera pam

air di rumah pam Kemubu tetapi sekarang ini telah tidak dapat digunakan sepenuhnya dari 5 yunit jentera itu, hanya boleh dipakai sekarang ini 2 yunit sahaja. Dengan tenaga 2 yunit jentera pam air Kemubu bagi seluruh Rancangan Pengairan Kemubu, sudah tentu tidak mencukupi capacity untuk membekalkan air bagi seluruh kawasan itu. Bagaimana hendak dapat faedah yang sebenar kepada rakyat kalau keadaan ini berlanjutan. Walaupun belanjanya 5 yunit tetapi faedahnya bergantung kepada hasil 2 yunit sahaja.

Satu daripada contoh betapa benarnya ucapan Yang Berhormat Mulia itu iaitu sewaktu rancangan yang pesat tidak akan ada ertinya kalau pelaksanaan dan pengawasannya tidak dilakukan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu contoh yang dapat saya kemukakan kepada Dewan ini iaitu soal pengaliran air di rancangan yang sama yang mana akibat daripada sedikit hujan sahaja, seluruh kawasan Pengairan Kemubu dalam jajahan Bachok dan Pasir Putih akan ditenggelami air dan tidak dapat menyelamatkan samada padinya yang sedang berbuah atau anak-anak padi yang sedang ditanam pada musim tengkujuh.

Ini adalah berpunca daripada sistem pengaliran air ataupun drainage di kawasan itu yang tidak teratur, sesuai dengan keadaan musim tengkujuh di kawasan tersebut. Akibatnya petani kita yang telah sedia miskin terancam mata pencarian mereka seperti beberapa tahun yang lepas dan berikutan dalam tahun ini banjir yang baru sahaja menyerang kawasan Pantai Timur, petani-petani di kawasan ini telah mengalami berulang kali kehancuran padinya di kawasan tersebut. Saya rasa suatu kajian perlu di-segerakan. Walaupun satu masa dahulu saya telah menerima jaminan dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa kajian akan dijalankan, tetapi saya rasa kajian itu perlulah disegerakan supaya dapat menyelamatkan separuh kawasan Perairan Kemubu yang di-harap-harapkan di Kelantan itu.

Menyentuh anggaran hasil negara, nampaknya kita berada dalam keadaan yang bertambah cerah untuk menampung perbelanjaan negara dalam tahun 1977 nanti, lebih-lebih lagi kesan inflasi kian bertambah reda maka diharap dapatlah kita tumpukan ke arah pembangunan dan penyusunan semula masyarakat dalam negara kita ini dengan lebih memuaskan. Pertamanya, dengan susunan pembangunan ekonomi rakyat yang akan dilaksanakan melalui Rancangan Ekonomi

Baru. Kedua, melalui pembangunan rohani atau spiritual kepada seluruh rakyat kita. Dalam masa-masa ini saya mempunyai keyakinan bahawa negara akan bertambah maju dalam keadaan masyarakat yang bertambah harmonis, bertatasusila dan berbudi-pekerti yang lebih baik jika pembangunan moral itu dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan pembangunan moral ini saya kira selain daripada gerakan dakwah yang dilaksanakan sekarang ini, kerjasama antara semua Kementerian perlu diperbaiki dan dilipat-gandakan lagi supaya segala unsur-unsur yang boleh merosakkan moral masyarakat dapat diatasi. Memerangi penyakit masyarakat bukan perkara mudah kalau tidak mendapat kerjasama semua pihak. Penyakit dadah, arak, todi, judi, kejadian rompak dan samun kian menjadi-jadi dalam negara kita sekarang ini. Apa salahnya kalau soal seperti judi dan arak ini diharamkan langsung dalam negara kita. Kalau hendak menghormati pelancung dari luar negeripun berikanlah peluang kepada mereka sahaja tanpa disertai oleh rakyat negara ini. Saya sedar judi dan arak ini boleh mendatangkan sedikit hasil kepada negara kita, tetapi mengancam moral masyarakat kita, kerana keputusan yang tegas perlu dibuat oleh pihak Kerajaan samada hasil yang hendak diselamatkan atau rakyat negara patut diutamakan terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di Pantai Timur sekarang ini sedang dalam musim tengkujuh, maka selain daripada petani terancam kehidupan mereka seperti yang saya sebutkan tadi, padi mereka tenggelam oleh air hujan, pekebun kecil getahpun tak dapat menoreh termasuk nelayan juga tidak kurang kesulitannya kerana tidak dapat keluar ke laut menangkap ikan. Maka perlulah Kerajaan berusaha menyejajarkan pembangunan di Kelantan supaya kesulitan hidup rakyat di sana dapat diatasi dengan pembangunan seperti pembukaan tanah di Ulu Kelantan.

Rancangan pembinaan jalan raya yang menghubungkan kawasan pedalaman di Ulu Kelantan supaya kawasan pedalaman ini dapat dimajukan. Saya sedar memang telah ada sebahagian jalan-jalan tersebut dibina, tetapi perbelanjaannya sahaja yang besar sedangkan keadaan jalannya masih jalan tanah lagi tiap-tiap tahun jalan tanah itu runtuh bila tiba musim hujan, jalan-jalan tersebut bukan setahun atau dua tahun, bahkan

bermula dari rancangan Malaysia Pertama dahulu lagi hingga hari ini masih berkeadaan tanah merah. Jalan yang saya maksudkan ialah Jalan Dabong Jeli dalam kawasan Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri. Apa salahnya kalau jalan-jalan seperti itu yang telah begitu lama dibina itu dibubuh tar; kalau setahun dibina tiga batu sahaja pun barangkali sudah boleh selesai sebatang jalan raya tersebut. Ini sebagai satu contoh sahaja.

Dalam pembangunan wilayah bagi kawasan Ulu Kelantan juga saya tidak nampak perlaksanaannya disegerakan dalam rancangan tahun 1977 ini. Dengan sebab itu, saya berharap rancangan itu dapat dikaji semula dan disegerakan supaya pembangunan dalam kawasan pedalaman negeri Kelantan itu dapat dimajukan dan rakyat yang sentiasa menghadapi kesulitan di kawasan itu dapat diatasi. Dan satu daripada tujuan besar selain daripada menolong rakyat yang miskin kita juga dengan pembangunan itu dapat mengatasi ancaman kominis yang sedang bersarang di kawasan pedalaman di Kelantan yang bersempadan dengan negeri Perak dan Thailand. Masaalah inilah saya kemukakan supaya dapat menarik perhatian pihak Kerajaan.

6.56 ptg.

Datuk Ngau Ken Lock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Belanjawan 1977 dan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan suatu Belanjawan yang sangat suka diterima oleh rakyat.

Belanjawan kali ini sangat sesuai dan patut sebab hanya barang-barang mewah dan separuh mewah dicukai menunjukkan Kerajaan memelihara rakyat miskin.

Sejak negara kita merdeka negara kita membangun dengan maju, tetapi dukacita ramai penduduk di kampung-kampung baru masih tidak hidup senang dan sempurna sebab ada banyak tempat masih belum ada jalan raya dan longkang-longkang yang baik.

Bekalan letrik dan air paip pun tidak dapat dibekal dengan cukup. Yang penting sekali ada ramai penduduk kampung baru masih tidak dapat Q. T. lagi. Penduduk kampung baru sudah tinggal 25 tahun. Dalam zaman British selalu berjanji sampai merdeka kita janji hendak beri Q.T. maka patutlah kerajaan lihat berkenaan dengan perkara ini. Kita harap patut diluluskan Q.T. itu supaya penduduk kampung baru itu senang hati.

Perkara yang kedua, apa yang saya dapat lihat daripada Rang Undang-undang Perbekalan yang ada di hadapan kita pada hari ini iaitu mengenai Jabatan Ugama di Jabatan Perdana Menteri yang pada sepintas lalu saya nampak peruntukannya sebanyak \$40,000 pada tahun 1976 dan \$45,000 diperuntukan bagi tahun 1977. Saya tidak dapat melihat barangkali ada peruntukan-peruntukan yang lain untuk pembangunan ataupun untuk pentadbiran ugama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua mengetahui bahawa keadaan ugama Islam, kita katakan ugama rasmi, sering menjadi satu pendapat dan yang boleh membawa perpecahan, yang boleh membawa akibat-akibat politik, dan juga membawa akibat-akibat ekonomi yang buruk. Dan juga boleh membawa akibat-akibat sosial yang tidak sempurna. Kalau kita bertanya, apakah ugama Islam menyuruh kita berpecah belah, kalau kita bertanya adakah ugama Islam menyuruh kita berselisih pendapat, menyuruh kita bernista antara satu dengan lain, tentulah kita berkata tidak. Tetapi terdapat keadaan sekarang ini dengan berbagai-bagai pendapat dan berbagai-bagai fikiran dan berbagai-bagai cara dakwah yang sedang berjalan yang kadangkala membawa perpecahan di antara orang-orang Islam sendiri. Saya suka menyebutkan hal ini ialah pada anggapan saya adalah satu perkara yang paling mustahak di mana kita telah lihat sebuah negara yang terkaya sehingga wang ringgitnya tidak dapat dihitungkan dan mempunyai rakyat yang lebih banyak, tetapi oleh sebab tidak ada landasan-landasan yang tertentu, tidak ada satu nizam, tidak ada satu perjalanan yang tertentu menjalankan dakwah maka kiblat Islam yang kedua telah dapat ditawan oleh musuh-musuh Islam. Saya menyebutkan hal ini, kerana kita semua percaya dengan tidak ada satu penentuan, dengan tidak ada satu nizam walau bagaimana besarnya bilangan wang, walau bagaimana besar bilangan rakyatnya, maka akibatnya kita akan tewas di tangan musuh-musuh Islam. Oleh itu saya rasa peruntukan ini amatlah mustahak difikirkan semula sekurang-kurangnya ditambah supaya sesuai dan sejajar dengan kehendak-kehendak kita untuk mengembangkan ugama Islam yang maha suci.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir sekali yang saya akan menyebutkan di sini ialah mengenai negeri Kedah iaitu negeri Kedah. Di dalam negeri Kedah ini boleh dikatakan tidak kurang telah menyumbangkan

sebahagian besar makanan kepada penduduk Malaysia dan mengikut hitungan, negeri Kedah telah mengeluarkan lebih daripada \$200 juta harga barang makanan untuk keperluan negara. Akan tetapi apa yang mendukacitakan semua kemajuan-kemajuan (development) yang dibuat setakat perenggan negeri Kedah—tidak sampai ke negeri Kedah; station keretapi, railcar berhenti di Butterworth; international Airport berhenti di Butterworth. Dua international airport, satu di Butterworth dan satu di Pulau Pinang. Seaport, airport pun ada di Pulau Pinang. Jadi tidakkah boleh Kerajaan kita yang dengan rahmat Tuhan telah mengeluarkan satu hasil yang baharu yang dianggarkan berharga \$200 juta dalam tahun 1980 untuk menimbangkan untuk diberi satu layanan yang adil agar supaya perhentian kapalterbang di Alor Star itu diangkat sedikit ke peringkat yang dapat disinggah oleh kapalterbang yang lebih besar.

Telah banyak kali disebutkan di dalam Majlis ini setiap Menteri yang datang ke Kedah, terpaksa tergesa-gesa pergi ke Pulau Pinang untuk mendapat kapalterbang dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur. Saya tidak tahu setiap Menteri sendiri berasa begitu tetapi masih juga keadaan tidak berubah. Inilah yang saya harap dapat dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai development tax. Walaupun ada Rang Undang-undang yang kita akan bincangkan selepas ini iaitu mengurangkan kadar development tax kepada \$3,000, tetapi saya sukalah menarik perhatian Jabatan-jabatan, Kementerian yang berkenaan ini, development tax terkena kepada peladang-peladang yang mempunyai pendapatan sebanyak \$4,000 di kenakan 5% iaitu \$200 tidak ditolak tenaga. Bermakna kalau seorang peladang itu bekerja dengan sawahnya sendiri dan mempunyai 5 orang anak, kalau dari pada segi income tax, ia tidak tertakluk atau tidak terkandung dalam pembayar cukai pendapatan, tetapi ia kena membayar development tax sebanyak 5%. Saya rasa ini patutlah diperbetulkan supaya tiap-tiap seorang yang tidak layak membayar cukai pendapatan sepatutnya tidak layak membayar development tax. Kalau sudah kita mentaksirkan bahawa cukai pendapatan itu sepatutnya dibayar pada sekian-sekian peringkat yang kita sendiri telah mengakui bahawa pendapatan yang

begitu tidak patut membayar cukai pendapatan tetapi kenapa kita menetapkan development tax kepada orang yang berpendapatan bawah daripada income tax. Keadaan ini berlaku kepada golongan-golongan rendah. Penjaja-penjaja, peniaga-peniaga kecil, petani-petani dan tidak pula terkena kepada mereka yang makan gaji. Inilah satu perkara yang akhir dan saya harap mendapat perhatian pihak yang berkaitan dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

7.20 mlm.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana saya yang akhir sekali bercakap.

Pertama sekali, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh, kerana cekap membentangkan satu Belanjawan yang boleh dikatakan diterima oleh semua golongan rakyat. Saya rasa Budget ini adalah peoples' budget dan dengan adanya Budget ini tidak menyusahkan sama sekali rakyat yang berpendapatan rendah, tambahan lagi apa yang kita ketahui iaitu mereka yang membayar cukai pendapatan sebanyak \$100 dipotong dengan rebate sebanyak \$60, bermakna hanya kena membayar \$40 sahaja dan banyak lagi perkara-perkara yang menyenangkan orang yang berpendapatan rendah. Kalau kita perhatikan di dalam Budget ini, saya suka mengambil perhatian Kerajaan iaitu 69% dibelanjakan untuk pengurusan dan 31% untuk pembangunan. Maksud saya 69% ini adalah satu angka yang cukup besar dan ini bermakna ianya diperuntukkan untuk gaji kepada kakitangan Kerajaan dan sebagainya. Begini besar perbelanjaan, adakah dia seimbang dengan service yang diberikan oleh jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian. Saya menjawab tidak, kerana didapati sungutan di mana-mana bersangkutan dengan kakitangan Kerajaan dan Kementerian-kementerian, banyak kelemahan-kelemahan di sana-sini dan tidak patutlah saya memberikan satu detail kerana di dalam ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun membangkitkan Jabatan-jabatan yang berkenaan, Kementerian-kementerian dan kakitangan Kerajaan yang tidak memperdulikan kepentingan rakyat dan berbagai-bagai lagi. Jadi maksud saya dengan cara begini, banyak

wang yang diberikan kepada pengurusan patut sangat Jabatan-jabatan ini memberi satu service yang memuaskan hati rakyat dan patutlah sekali-sekala diadakan kursus supaya mereka ini betul-betul bersemangat untuk bangsa dan negara.

Saya tidak menafikan ada juga kakitangan Kerajaan yang betul-betul bersemangat yang menerima wang itu dan dikembalikan dengan service yang memuaskan. Kalau kita berbalik kepada pendapatan (revenue) Kerajaan boleh dikatakan memuaskan hati, tetapi apa yang saya hendak bawa di sini kalau sebenarnya semua pihak swasta dan juga orang ramai betul-betul membayar wang cukai pendapatan, saya fikir Kerajaan akan dapat wang yang tidak disangka-sangka. Maksud saya di sini, sepatutnya Kerajaan kenalah meneliti dan mengadakan banyak lagi pegawai-pegawai di dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri kerana selain daripada pegawai-pegawai Kerajaan, orang yang berniaga, pekedai-pekedai, firma-firma yang saya fikir ada juga, kalau tidak banyak, yang tidak membayar cukai pendapatan.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bercakap mengenai kelemahan-kelemahan Kementerian-kementerian, saya suka sebut sekali lagi sungguhpun dalam Dewan yang mulia ini saya telah bercakap berkenaan dengan talipon. Dalam pada kita maju ke hadapan tetapi nampaknya cara mendail talipon ini pergi ke belakang. Saya ingat sungutan ini bukan daripada saya sahaja bahkan di merata-rata. Di Pulau Pinang ketika saya sedang tidur, terjaga oleh kerana talipon berbunyi dan apabila saya angkat talipon, dia kata: Is that Malaysia Hotel? Dan pada kesokan harinya pula sekali lagi orang talipon bertanya: Is that airport?—berbagai-bagai. Kalau siang tidak menjadi masalah tetapi di waktu kita tidur dia berbunyi. Sekiranya perkara itu mustahak, ada orang sakit tidak menjadi masalah. Ini hanya salah nombor dan saya sendiri pun biasa juga bila menalipon dapat nombor yang lain. Saya kurang faham adakah wayar-wayar itu sudah lapuk atau apa sebabnya. Saya tidak fikir sebuah negara yang begini maju membelanjakan 60% untuk pengurusan tetapi perkhidmatan taliponnya mundur kebelakang. Begitu juga mengenai soal breakdown. Saya dapat tahu di Pulau Pinang ada yang breakdown sehingga seminggu dan kadang-kadang sampai sebulan tidak dapat dibetulkan. Di rumah

saya sendiri kadang-kadang sehingga seminggu, itu pun saya sebagai M.P., barangkali dapat dipercepatkan, kalau orang ramai barangkali sampai sebulan. Perkara-perkara yang kecil seperti ini akan menjatuhkan nama baik Kerajaan kita. Lagi satu mengenai masalah talipon, apabila kita repot untuk memberitahu nombor talipon saya rosak, maka talipon operator berkata: Tidak apalah, saya akan mengambil tindakan. Selepas seminggu tidak ada apa-apa juga, jadi kita tidak tahu siapakah orang yang menerima aduan tentang kerosakan talipon itu. Saya diberitahu di Kuala Lumpur samada betul atau tidak, saya tidak tahu. Apabila seseorang itu repot taliponnya rosak, maka orang yang menerima repot itu memberitahu nombor repotnya sekian-sekian, jadi kita dapat repot kepada controller. Tetapi di Pulau Pinang saya percaya perkara begini tidak berlaku. Jadi, saya minta supaya Jabatan Talikom, kalau boleh diadakan satu cara seperti di Kuala Lumpur kenapa pula di Pulau Pinang atau di negeri-negeri tidak dapat diadakan nombor repot supaya kita tahu siapa yang menerima repot itu.

Lagi satu masalah yang patut saya bangkitkan di sini ialah masalah kes-kes yang belum dibicarakan. Ramai sahabat-sahabat saya yang telah membangkitkan tetapi saya hendak tunjukkan satu contoh, di Pulau Pinang saya dapat tahu ada 19 kes jenayah, 3 kes perompak, 3 kes rogol dan 3 kes senjatapi di bawah Undang-undang Keselamatan sampai hari ini kesnya masih ada di dalam court belum membicarakan. Ini

adalah di dalam High Court, tetapi di dalam Sessions Court dan Magistrate Court kalau menurut angka yang saya dapat tahu, tidak kurang daripada 1,000 kes. Kes-kes ini akan dibicarakan sehingga tahun 1978. Hari ini kalau kita lihat dalam akhbar seorang telah dihukum bunuh kerana didapati menyimpan senjatapi, tetapi kalau kita baca dalam akhbar kes itu berlaku pada bulan Februari, bermakna sampai hari ini sudah 10 bulan baru dibicarakan. Kalau beginilah keadaannya saya bimbang akan bertambah kes-kes jenayah. Rakyat menunggu-nunggu kenapa Act yang kita telah luluskan di kedua-dua Dewan Parlimen ini tidak berjalan. Orang selalu keliru, walhal yang salahnya bukan Dewan Rakyat atau Dewan Negara bahkan kes-kes ini tidak dibicarakan. Jadi saya minta supaya Kementerian berkenaan mengambil perhatian berat dan mengutamakan kes-kes jenayah yang bersangkutan dengan senjatapi, rogol dan juga dadah. Inilah perkara yang patut sangat mahkamah-mahkamah mengemukakan selain daripada kes-kes sivil dan lain-lain kes yang rendah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk bolehlah menyambung ucapan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Khamis, 16hb Disember, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.